

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI SELASA : 19 MAC 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH, MELAKA]**

DAN

**TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU, JOHOR]**

**TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA) - SOALAN 1
4 APRIL 2019 (KHAMIS) - SOALAN 23**

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program-program terbaru yang dirangka oleh pihak Kementerian untuk tahun 2019 dalam usaha menarik lebih ramai golongan belia bagi menceburi bidang Esport agar selari memenuhi kehendak Revolusi Industri 4.0.

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) usaha-usaha untuk merancakkan lagi industri sukan elektronik di Malaysia; dan
- (b) strategi pembangunan dalam usaha melahirkan lebih ramai pemain profesional dalam bidang sukan elektronik.

JAWAPAN


Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan **YB MASJID TANAH** bersekali dengan pertanyaan **YB JOHOR BAHRU** bertarikh 4 April 2019.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan lebih ramai golongan belia bergiat aktif dalam bidang "*Esports*", satu inisiatif awal telah dirangka oleh Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM), di mana kejohanan akan dianjurkan dari peringkat negeri ke peringkat kebangsaan dan seterusnya peringkat antarabangsa
3. Buat pertama kali pada tahun ini dalam tahun 2019, sukan "*Esports*" akan dimasukkan ke dalam Temasya Sukan SEA di Manila, Filipina di mana terdapat lima (5) acara pingat "*Esports*" akan dipertandingkan.
4. Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) juga sedang merangka satu "*Blueprint Sukan Elektronik Malaysia*" yang pertama bagi membolehkan program "*Esports*" dirancang dan diselaraskan secara berstruktur untuk pembangunan yang holistik dari peringkat akar umbi sehinggalah ke peringkat antarabangsa. Task force ini diwakili oleh penggiat sukan "*Esports*", oleh tokoh-tokoh industri "*Esports*" dan dijangka siap pada bulan April 2019.
5. Fokus diberikan kepada lima (5) keutamaan strategik iaitu:
 - a. Pembangunan atlet "*Esports*";
 - b. Sokongan perkembangan industri "*Esports*";
 - c. Peningkatan taraf infrastruktur "*Esports*" negara;
 - d. Kesedaran awam terhadap tanggungjawab sukan "*Esports*"; dan
 - e. Undang-undang dan tadbir urus "*Esports*".

SOALAN NO : 1

6. Persatuan Sukan Elektronik Malaysia (ESM) juga akan menganjurkan Liga Sukan Elektronik Malaysia untuk mengenal pasti ranking pemain mengikut acara masing-masing. ESM dengan kerjasama Kementerian kini dalam perancangan mewujudkan ranking atlet yang masih belum wujud lagi dalam arena sukan "*Esports*".
7. Bidang "*Esports*" juga akan turut membuka peluang-peluang kerjaya dan memberi kesan positif serta meningkatkan ekonomi negara dalam aspek teknologi dan pelancongan. Berdasarkan kedudukan semasa, Malaysia berada di tangga ke-21 dalam pasaran dunia "*Esports*" di mana pendapatan yang dijana adalah sebanyak USD586 juta (RM2.3 billion) dan pada bulan yang lepas, syarikat Razer iaitu syarikat terbesar dalam "*Esports*" telah menggajikan lebih 280 orang anak muda di Ibu Pejabat Razer Malaysia yang baru dilancarkan.
8. Pihak Kementerian sedang menggariskan banyak lagi inisiatif yang akan dijalankan dalam tempoh terdekat untuk memastikan landskap "*Esports*" berkembang dengan rancak dan limpah baiknya dirasakan oleh anak muda daripada segi penjanaaan peluang pekerjaan serta "*upskilling*" dan "*reskilling*" dalam bidang yang baharu ini.

Sekian, terima kasih.



PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
(TENGGAHARA)

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 2

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan program Skim Insurans Pekerjaan (SIP) yang dilaksanakan oleh Kementerian dari aspek :-

- (a) berapakah jumlah yang dapat dibantu mendapatkan pekerjaan semula selepas dibuang kerja sejak Mei 2018 hingga kini ; dan
- (b) berapakah peratusan pekerja yang tidak mengetahui tentang kelebihan dasar program ini kerana kurang maklumat ataupun kurang memahami cara perlaksanaan program ini.

PN-1412- L03107

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sejak SIP dilaksanakan sehingga 22 Februari 2019, menerusi pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), seramai 7,915 orang telah mendapat pekerjaan semula dan untuk makluman Dewan, faedah *full-fledge* SIPPERKESO baru sahaja berkuatkuasa pada 1 Januari 2019. Memandangkan SIP baru diperkenalkan, kita memerlukan satu tempoh masa bagi memberi satu pendedahan yang menyeluruh kepada pekerja.

2. Untuk makluman, program promosi serta aktiviti bagi memperluaskan pengetahuan dan memberi pendedahan kepada umum tentang program SIP masih dijalankan dan dipertingkatkan sehingga kini. Antara program promosi yang telah dijalankan sejak SIP diperkenalkan pada tahun 2018 ialah *roadshow* SIP (80 kali) di seluruh negara, sesi *townhall* bersama majikan, Program *Employability*, *Job Carnival* dan taklimat perkhidmatan pekerjaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat menggunakan kaedah bekam di hospital-hospital Kerajaan. Ini kerana bekam adalah satu cara rawatan "evidence-based" yang berkesan dalam menangani penyakit kronik dan dapat mengurangkan kos rawatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menghasilkan satu Laporan Penilaian Teknologi (*Technology Review*) berkenaan Bekam (*cupping therapy*) pada tahun 2012 yang menyatakan bahawa tiada bukti yang kukuh untuk menyokong keberkesanannya dalam rawatan penyakit seperti *herpes zoster, facial paralysis, back pain, spondylosis, cerebrovascular accident, hypertension, fibromyalgia, bronchitis, asthma* dan sakit kepala. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan meneruskan kajian dan menghasilkan satu Laporan Teknologi Kesihatan berkenaan *Wet Cupping for Diabetes and Cardiovascular Disease* yang akan meneliti bukti saintifik berkaitan keberkesanan bekam basah bagi kedua-dua indikasi tersebut dalam masa terdekat.

Sehubungan itu, pengenalan perkhidmatan bekam di fasiliti kesihatan kerajaan boleh dipertimbangkan berdasarkan hasil laporan penilaian teknologi tersebut dan situasi semasa.

KKM akan meneruskan usaha untuk memartabatkan Perubatan Tadisional & Komplementari (PT&K) di Malaysia selaras dengan pengiktirafan pihak Kerajaan terhadap sumbangan PT&K dalam pemeliharaan dan penjagaan kesihatan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 4

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat mengharamkan penggunaan pukut tunda yang telah menjejaskan ekosistem dan kerosakan habitat ikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani **sememangnya telah menetapkan pemansuhan operasi vesel pukut tunda di zon B sejak 1 Januari 2016.**

Pelaksanaannya telah bermula secara berperingkat melalui kaedah - kaedah kawalan yang berterusan bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk memastikan ada saluran internet di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan P211 Lanang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan rancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk memastikan ada saluran internet di kawasan luar bandar di seluruh negara termasuklah di Parlimen Lanang.
2. Antara rancangan jangka panjang tersebut ialah projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri, bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Lanang. Sehingga kini, lebih 23 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 2 ibusawat di Parlimen Lanang.
3. Selain itu, tambahan 480 sambungan bagi peluasan jalur talian tetap masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat sehingga suku keempat 2019 yang lebih tertumpu di kawasan pinggir luar bandar.
4. Bagi rancangan jangka masa pendek, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada di mana 2 menara komunikasi baharu telah dibina Parlimen Lanang manakala tambahan 3 menara lagi sedang dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2019. Selain itu, sebanyak 26 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G di Parlimen Lanang. Ini merupakan tambahan kepada 48 menara komunikasi yang turut dibangunkan secara komersial di Parlimen Lanang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH SOALAN : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 6

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dalam menggalakkan golongan usahawan tani muda dan B40 untuk terlibat dalam industri pertanian komoditi yang lebih menguntungkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan sedang bekerjasama dengan Kementerian dan Agensi berkaitan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam menggalakkan golongan usahawan muda dan B40 dalam sektor pertanian.
2. Antara program kerjasama yang dijalankan adalah:
 - (i) **Program Agropreneur Muda (PAM) – TEKUN Nasional dan Agrobank**
Merupakan program pembiayaan dan bantuan modal untuk usahawan tani muda. Sehingga kini, jumlah pembiayaan sebanyak **RM 97.9 juta** telah diberikan kepada **5,083 usahawan tani muda** melalui program ini.
 - (ii) **Program Mentoring/ Coaching – Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**
Melibatkan pakar dalam sektor perladangan untuk memberikan khidmat nasihat, pemindahan pengetahuan dan pengalaman kepakaran kepada koperasi.
 - (iii) **MyFarm Outlet** – Kerjasama SKM bersama agensi-agensi di bawah MOA yang melibatkan pemasaran produk pertanian

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 untuk membenarkan mana-mana penjawat awam gred DG48 dan ke atas menjawat sebarang jawatan dan keahlian dalam kesatuan.

PN-1412- L02956

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian sedang meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta 262). Walau bagaimanapun pindaan ini tidak melibatkan kebenaran kepada mana-mana penjawat awam gred DG48 dan ke atas menjawat sebarang jawatan dan keahlian dalam kesatuan. Pegawai gred DG48 ke atas boleh memohon kepada Ketua Setiausaha Negara untuk memberikan pengecualian di bawah seksyen 27 Akta 262 untuk menyertai kesatuan sekerja atau menjadi anggota kesatuan sekerja mahupun diterima sebagai anggota dalam mana-mana kesatuan sekerja tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dinyatakan di bawah seksyen 27 Akta 262.

Tuan Yang di Pertua,

2. Terdapat 19 Kesatuan Sekerja yang telah diberi pengecualian sehingga Gred 48 untuk menyertai Kesatuan Sekerja termasuk guru DG48.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sebab-sebab harga barang basah masih lagi tinggi walaupun cukai GST telah dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menyatakan secara umumnya, barangan keluaran pertanian atau barang basah seperti ayam, ikan, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan tidak dikenakan cukai GST atau SST kecuali aktiviti lain di sepanjang rantai bekalan seperti logistik, input pertanian dan lain-lain. Oleh itu, turun naik harga barang basah tidak dipengaruhi oleh kadar cukai GST atau SST.

Faktor utama yang menentukan turun naik harga barangan basah lebih dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan. Oleh itu terdapat barangan yang mengalami kenaikan dan penurunan harga bagi kategori barangan basah. Namun trend harga barangan tersebut adalah dalam keadaan stabil. Jika kita banding harga barang basah di dalam bulan Januari 2018 dengan Januari 2019 diantara 31 item yang dalam tinjauan kementerian kami, terdapat 18 item mengalami penurunan harga manakala 13 item mengalami kenaikan harga.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LARRY SOON @ LARRY
SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : **19 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan-perancangan Kementerian untuk memastikan alam semula jadi Malaysia terpelihara, terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi memastikan alam sekitar Malaysia terpelihara, terutamanya dalam isu pemanasan global yang berlaku pada ketika ini, aktiviti penguatkuasaan kepada punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya yang berkaitan pelepasan gas rumah kaca seperti karbon dioksida (CO₂), metana (CH₄), nitrus oksida (N₂O), ozon (O₃), klorofluorokarbon (CFC) dan hydrofluorokarbon (termasuk HCFC dan HFC) telah dilaksanakan.
2. Di samping itu, kementerian turut melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar melalui sambutan Hari Alam Sekitar Negara, Hari Bumi dan Hari Ozon yang menumpukan kepada kumpulan sasaran seperti pihak industri, pelajar, organisasi dan orang awam.

3. Di peringkat antarabangsa, Malaysia dan 195 negara lain telah mempersetujui *Paris Agreement* semasa Persidangan Ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) pada 12 Disember 2015 sebagai usaha peringkat global untuk menangani isu perubahan iklim. Matlamat utama *Paris Agreement* adalah untuk menghadkan peningkatan suhu purata dunia kepada 1.5 atau 2.0 darjah Centigrade. Malaysia telah menandatangani *Paris Agreement* pada 22 April 2016 dan meratifikasikan perjanjian ini pada 16 November 2016.

4. Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan *green house gas* (GHG) berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030 seperti yang dinyatakan dalam *nationally determined contributions* (NDC). Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*), iaitu tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

5. Bagi mencapai sasaran NDC tersebut, Malaysia telah melaksanakan pelbagai tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG yang merangkumi pelbagai sektor penting seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Dalam masa yang sama, negara juga telah mengenal pasti tindakan-tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG baru yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

DEWAN RAKYAT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGAL KEDUA

PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN : 10

YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan lambakan orang asing yang datang ke Malaysia berleluasa melakukan aktiviti perniagaan seperti kedai makan, kedai runcit dan lain-lain lagi. Terdapat juga di kalangan mereka ini mencuri tanah di Cameron Highlands serta di lain-lain tempat dan akibatnya suasana telah menjurus ke “carca merba” sehinggakan orang tempatan pula telah hilang hak mereka. Apakah usaha oleh pihak Kerajaan untuk menbanteras aktiviti ini serta apakah usaha untuk menangkap mereka ini dan menghantar pulang ke negara asal.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari segi lambakan orang asing di Cameron Highlands, menurut data daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), kebanyakan mereka adalah pekerja di Cameron Highlands. Sebanyak 8,133 Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) telah dikeluarkan oleh JIM di Cameron Highlands sahaja sehingga Disember 2018.
2. Dari segi penguatkuasaan pula, sejak Op Gading dilancarkan di Cameron Highlands pada hujung tahun 2014 sehingga Disember 2018, sebanyak 390 operasi telah dilakukan melibatkan 4,794 orang telah diperiksa dan seramai 1,962 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) telah ditangkap.
3. Dari segi pencerobohan tanah atau 'curi tanah' kerajaan, semenjak Op Gading dijalankan di Cameron Highlands, seluas 5,580 ekar tanah kerajaan telah dikesan diceroboh oleh peneroka-peneroka atau pekebun-pekebun haram. Sehingga kini seluas 4,887 ekar (88%) telah berjaya dimusnahkan dan diambil semula oleh kerajaan melalui Op Gading.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Tindakan undang-undang juga telah diambil ke atas peneroka-peneroka haram di Cameron Highlands di mana sebanyak 85 Kertas Siasatan telah dibuka, 71 kes dalam siasatan dan 14 kes telah dituduh di mahkamah dan hasilnya 3 kes telah dijatuhkan hukuman penjara 5 minggu beserta denda; 10 kes dijatuhkan hukuman denda (RM380,000 keseluruhannya) dan 1 kes dibebaskan.
5. Pihak PDTCH juga baru-baru ini telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan dari Jun hingga Ogos 2018 ke atas 11 lokasi penerokaan tanah kerajaan tanpa izin termasuk tindakan memusnahkan tanaman dan struktur kekal. Begitu juga tindakan memberi notis dari Disember 2017 hingga September 2018 telah dikeluarkan kepada 23 penerokaan tanah kerajaan tanpa izin. Yang terbaru ialah tindakan PDTCH merobohkan kebun sayur haram pada akhir Februari 2019 melibatkan 4 kawasan (lebih kurang 11.8 ekar) penerokaan tanpa izin.
6. Daripada laporan-laporan dan data-data yang diterima, didapati tiada rekod mengatakan lambakan orang asing telah 'mencuri tanah' kerajaan di Cameron Highlands.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [BEAUFORT]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan adakah Kementerian telah mengenalpasti pasaran baru untuk komoditi kelapa sawit dan sejauh manakah kejayaan dalam menembusi pasaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Datuk yang sepatutnya dijawab pada 4 April 2019 yang juga menyentuh mengenai pasaran baharu yang diterokai bagi memasarkan minyak sawit negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pasaran-pasaran baharu yang berpotensi bagi minyak sawit Malaysia yang dikenalpasti adalah di rantau Asia Tenggara, Afrika dan Asia Tengah. Antara negara pengimport baharu minyak sawit Malaysia adalah Filipina dan Vietnam. Dengan pertambahan populasi dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara tersebut, ianya akan memberi kesan positif terhadap pengeksporan produk minyak sawit Malaysia. Hasil misi Kementerian yang telah dilaksanakan pada 2017 telah menunjukkan impak positif dimana eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit Malaysia ke Filipina telah meningkat sebanyak 0.8% kepada 838,440 tan pada 2018 berbanding 831,580 tan pada tahun 2017.

Di benua Afrika khususnya, Kerajaan telah mengenal pasti potensi pasaran

baharu seperti di Mesir dan Maghribi. Dalam hubungan ini, satu Misi Ekonomi dan Pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama telah diadakan pada 22 hingga 24 September 2018. Misi ini telah berjaya mengukuhkan peluang pasaran dan pelaburan terutamanya dalam sektor komoditi. Hasil daripada misi tersebut, Mesir dan Maghribi yang merupakan pintu kepada pasaran negara-negara Eropah, Afrika Utara dan Afrika Tengah telah menunjukkan minat dan reaksi positif untuk mengimport minyak sawit Malaysia. Secara tidak langsung, pasaran baharu seperti Tunisia dan Libya juga akan dapat ditembusi melalui Maghribi. Selanjutnya, Kementerian juga melihat peluang yang besar di Negara Benin yang mana pada tahun lepas telah mengimport minyak sawit negara hampir 240,000 tan.

Turki juga merupakan salah satu pasaran berpotensi. Hasil Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* - FTA) Malaysia dan Turki, eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit telah meningkat sebanyak 5.7% kepada 975,960 tan pada 2018 berbanding 922,690 tan pada tahun 2017. Bagi memperkukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia ke negara tersebut, Kementerian telah mengadakan Misi Ekonomi, Promosi Dan Pelaburan Sawit, Getah Dan Kayu-Kayan Ke Turki yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama pada 23 hingga 26 Januari 2019 . Dalam misi tersebut, beberapa pertemuan dengan wakil pengimport dan pembekal minyak sawit Malaysia di Turki diadakan untuk memupuk kerjasama yang lebih erat bagi mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pembekal utama minyak sawit ke Turki.

Selain itu, rantau Asia Tengah juga merupakan antara pasaran baharu minyak sawit Malaysia. Negara-negara seperti Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan dan Tajikistan telah mula mengimport produk minyak sawit dari Malaysia. Pada tahun 2018, Malaysia telah mengeksport 81,773.20 tan minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke negara-negara di rantau Asia Tengah iaitu peningkatan 1.7% berbanding 80,431.39 tan yang dieksport pada tahun 2017.

Di rantau Asia Selatan pula, Sri Lanka adalah pasaran baharu yang berpotensi untuk diterokai dan ditingkatkan terutamanya dalam industri minyak dan lemak serta industri makanan. In shaa Allah, Kementerian akan mengadakan *Palm Oil Trade Fair & Seminars* (POTS) di Jeddah pada 24 dan 25 April 2019 yang akan datang dalam usaha Kementerian untuk melebarkan pasaran kita ke timur tengah khususnya Arab Saudi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kemajuan Projek Pembesaran dan Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa. Apakah permasalahan asas operasi LTSIP yang memerlukan peruntukan segera Kerajaan akan dipertimbangkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah diluluskan pada 29 Mac 2016 secara tender terhad kepada lima (5) kontraktor. Selaras dengan dasar semasa Kerajaan, proses perolehan kontraktor projek akan dilaksanakan secara tender terbuka pada tahun 2019 dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada tahun 2020.

2. Disebabkan kekangan kewangan pihak Kerajaan, Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan MOF, MAHB dan MAVCOM sedang menerokai beberapa model pembiayaan bagi membiayai projek-projek pembangunan lapangan terbang termasuk pengenaan dengan izin Regulated Assets Based (RAB), Airport Real Estate Investment Trust (REIT) dan Airport Development Fund (ADF). Kerajaan seterusnya akan mengenal pasti satu model kewangan yang mampan dan fleksibel bagi menampung kos pembangunan dan penaiktarafan kemudahan lapangan terbang di seluruh negara.

3. Kerajaan telah mengenal pasti lima (5) permasalahan asas yang memerlukan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dinaik taraf. Permasalahan-permasalahan tersebut ialah seperti berikut:

- i) Kesesakan penumpang di kawasan-kawasan daftar masuk, *public concourse*, pemeriksaan keselamatan, balai berlepas dan lain-lain kawasan terutamanya pada waktu puncak. Kesesakan ini disebabkan Bangunan Terminal sedia ada mengendalikan bilangan penumpang melebihi kapasiti rekabentuk 1.5 juta penumpang setahun;
- ii) Kekurangan parkir pesawat di kawasan apron menyebabkan penerbangan tertangguh (*delayed*) terutama pada waktu puncak;
- iii) Kekurangan ruang untuk membuat pengasingan penumpang domestik dan antarabangsa bagi memenuhi keperluan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO).
- iv) Ketidakpatuhan kepada piawaian ICAO seperti ketiadaan *line of sight* dari menara kawalan trafik udara dan menara Bomba ke kawasan tertentu di apron dan *taxiway*; dan
- v) Kerosakan sistem pemaliman yang menyebabkan pembatalan atau kelewatan penerbangan terutama pada waktu malam atau ketika cuaca buruk.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN : 14

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani masalah bekalan air luar bandar serta langkah alternatif bantuan air di luar bandar terutamanya di Batang Sadong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian. Peranan Kementerian adalah membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian juga akan melaksanakan projek naik taraf atau membina baru loji rawatan air secara *case by case* di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kesemua projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kementerian ini adalah berdasarkan permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Sarawak (SPU) dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kedudukan kewangan semasa negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) bagi Parlimen Batang Sadong, Kementerian akan melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 2 – Samarahan dengan peruntukan sebanyak RM7.8 juta yang melibatkan penyambungan paip jenis HDPE pelbagai saiz sepanjang 16.36 kilometer. Projek tersebut dijangka akan ditender pada suku kedua tahun 2019 dan akan memberi manfaat kepada 5 buah kampung iaitu Kampung Sateman, Kampung Lubok Samsu, Kampung Ba, Kampung Lubok Bunting dan Kampung Benat Ulu yang merangkumi sebanyak 173 buah rumah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 15

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan beban kerja guru. Adakah pemantauan dibuat terhadap pelaksanaan supaya kesannya dirasakan oleh seluruh warga pengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil serius isu beban tugas guru. Bagi mengurangkan beban tugas guru ini, KPM telah menjalankan sembilan (9) intervensi yang diperkenalkan melalui lima (5) inisiatif seperti yang telah diumumkan ketika Amanat Tahun Baharu 2019. Inisiatif yang telah dijalankan adalah seperti;

1. memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks, Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah;
2. pengurusan data dan sistem *online*;
3. pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. penyeragaman borang dan proses pemantauan; dan
5. penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

NO. SOALAN : 15

Bagi memantau dan menilai pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, KPM melalui Jawatankuasa Mengkaji Beban Tugas Guru (JMBTG) sedang melaksanakan kajian dan pemantauan terhadap pelaksanaan inisiatif yang telah diperkenalkan. Setakat ini, JMBTG telah mengenal pasti isu beban tugas guru secara menyeluruh dan telah menyusun strategi menangani beban tugas guru kepada inisiatif jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

Inisiatif menangani beban tugas guru bagi jangka masa sederhana akan dilaksanakan mulai Jun 2019 manakala inisiatif jangka panjang pula akan dilaksanakan selewat-lewatnya mulai tahun 2020. Dalam proses mengenal pasti isu dan menyusun strategi menangani beban tugas guru, KPM telah bekerjasama dengan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Majlis Guru Besar dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia. Keberkesanan strategi jangka pendek menangani beban tugas guru ini telah dipantau oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM.

Sekian, terima kasih

RJM 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan kajian mengenai "*Personalised Number Plate*" bagi kenderaan di Malaysia dan bilakah anggaran masa memulakan sistem tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Pengangkutan tidak berhasrat untuk melaksanakan dasar *Personalized Plate Number* pada ketika ini. Kementerian berpandangan penggunaan *Personalized Plate Number* ini adalah tidak sesuai dilaksanakan kerana terdapat kebarangkalian bagi persamaan atau pertindihan nama yang sama untuk berlaku.
2. Keputusan ini juga adalah selaras dengan keputusan terdahulu untuk tidak mewujudkan sebarang nombor khas. Sekiranya *Personalized Plate Number* dilaksanakan, ianya akan turut menyukarkan aktiviti penguatkuasaan dan akan mengakibatkan penyalahgunaan dari segi pengwujudan *fancy number plate*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA,
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
(SETIAWANGSA)

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah hasil kajian yang baru dibentang ke Majlis Veteran Kebangsaan dalam usaha Kerajaan mencari penyelesaian jangka panjang bagi kebajikan veteran angkatan tentera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) yang ke-2 pada 28 Februari 2019 telah membincangkan beberapa kertas kerja yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Kerja MVK.

Antara lain, kertas kerja yang telah dibincangkan adalah cadangan berkaitan inisiatif bantuan kewangan kepada veteran ATM dan juga inisiatif usaha kerajaan dalam memastikan kesejahteraan kehidupan warga ATM setelah menamatkan perkhidmatan. Selain itu juga terdapat cadangan mengenai inisiatif perumahan kepada veteran ATM serta pemantapan pelaksanaan dan pengurusan Tabung Pahlawan. Semua cadangan bagi inisiatif-inisiatif yang telah dibincangkan dalam kertas kerja ini akan diperhalusi dan dipertimbangkan melalui perbincangan bersama semua pihak yang berkepentingan sebelum keputusan diumumkan oleh pihak kerajaan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN
YAAKUB [MACHANG]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN : 18

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci jumlah projek PPRT dan baik pulih rumah mengikut negeri serta jumlah keseluruhan bagi 3 tahun terakhir bermula 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM879.5 juta bagi tempoh 2016 sehingga 2018 melibatkan sebanyak 5,703 bantuan bina baharu rumah dan 30,485 bantuan baik pulih rumah. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan dengan sasaran 1,532 bantuan bina baharu dan 7,354 bantuan baik pulih rumah. Walau bagaimanapun, bagi sasaran tahun 2019, ia adalah tertakluk kepada perubahan dalam tempoh pelaksanaan tahun semasa mengikut keperluan.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 19

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan kesudian Kerajaan menggubal satu dasar atau undang-undang baru untuk memastikan bahawa Kerajaan Negeri tidak mencero boh atau meluluskan lesen pembalakan hutan tanpa mempertimbangkan hak Orang Asli seperti yang dinyatakan dalam UNDRIP.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jadual Kesembilan, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara berkaitan tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kuasa Eksekutif Kerajaan Persekutuan dalam perhutanan hanya dalam hal-ehwal berkaitan latihan, kajian serta nasihat teknikal yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) bagi tujuan pelaksanaannya.

Pengusahasilan hutan dalam hutan simpanan kekal dilaksanakan berdasarkan kepada *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (Natural Forest)* yang dikenali sebagai MC&I (*Natural Forest*) di bawah Skim Persijilan Kayu Malaysia (*Malaysian Timber Certification Scheme - MTCS*). Prinsip 3 dan prinsip 4 di bawah MC&I (*Natural Forest*) memastikan aktiviti pembalakan turut mengambilkira hak dan kepentingan Orang Asli supaya tidak terjejas seperti berikut:

- (a) **Prinsip 3** berkaitan dengan hak-hak masyarakat pribumi memperuntukkan bahawa hak menurut perundangan dan adat masyarakat pribumi untuk memiliki, mengguna serta mengurus tanah, kawasan dan sumber mereka hendaklah diiktiraf dan dihormati; dan

(b) **Prinsip 4** berkaitan dengan perhubungan masyarakat dan hak-hak pekerja memperuntukkan bahawa operasi-operasi pengurusan hutan perlu mengekalkan atau meningkatkan kesejahteraan sosial dan ekonomi masyarakat tempatan dan pekerja-pekerja hutan untuk jangka masa panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat , berdasarkan Seksyen 19 (g), Akta Orang Asli 1954 memperuntukkan kuasa kepada YB Menteri yang bertanggungjawab terhadap Orang Asli untuk mengawal mana-mana penebangan hutan di Kawasan Orang Asli dan Rizab Orang Asli yang telah diwartakan di dalam Akta Orang Asli 1954 bagi memastikan hak-hak dan kepentingan Orang Asli terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB
[MARAN]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 20

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagi mengimbangi keadaan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera, Kerajaan sebelum ini mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Perjelaskan secara terperinci apakah kedudukan keseimbangannya ketika ini dan apakah Kerajaan terus berhasrat untuk melaksanakan dasar tersebut.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberi penekanan kepada serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia telah tamat pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, semangat DEB diteruskan di bawah dasar-dasar selepasnya, iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Model Ekonomi Baru (MEB) dalam usaha ke arah mencapai matlamat kesaksamaan sosioekonomi dan matlamat perpaduan negara.
2. Kerajaan melihat bahawa pelaksanaan dasar dan semangat DEB masih kekal relevan malahan akan terus diperkasakan melalui dasar-dasar baharu yang lebih strategik bersesuaian dengan keperluan semasa. Sebagai Kerajaan yang peduli rakyat, pengagihan ekonomi mestilah dilakukan secara adil kepada semua rakyat mengikut keperluan masing-masing. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda nasional tanpa meminggirkan kaum-kaum lain di negara ini. Dalam hal ini, tindakan afirmatif akan diteruskan khususnya untuk membangunkan potensi Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi negara dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan kekayaan yang lebih saksama.
3. Walau bagaimanapun, pencapaian Bumiputera berbanding bukan Bumiputera masih lagi rendah seperti ditunjukkan oleh indikator sosioekonomi berikut;
 - (i) pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat masih tidak mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekuiti sehingga tahun 2015;
 - (ii) pendapatan purata isi rumah Bumiputera pada tahun 2016 adalah rendah iaitu RM6,267 berbanding bukan Bumiputera sebanyak RM8,213;

- (iii) peratus kategori pekerjaan mahir antara kaum atau inter etnik pada tahun 2017 bagi Bumiputera adalah sebanyak 29.4 peratus berbanding bukan Bumiputera sebanyak 36.3 peratus; dan
 - (iv) peratus transaksi pemilikan kediaman Bumiputera dalam pasaran primer pada tahun 2016 adalah 38.8 peratus (nilai bersamaan RM5.63 bilion) berbanding bukan Bumiputera sebanyak 56.7 peratus (nilai bersamaan RM8.23 bilion) manakala dalam jenis pemilikan komersil, peratus transaksi Bumiputera hanyalah 9.8 peratus (nilai bersamaan RM0.21 bilion) berbanding bukan Bumiputera iaitu 46 peratus (nilai bersamaan RM1.01 bilion).
4. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan melalui amalan prinsip “*shared prosperity*” iaitu berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemampanan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif dan merapatkan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik, wilayah dan kelas pendapatan. Dalam langkah Kerajaan untuk meneliti semula dasar-dasar utama negara, pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan tetap menjadi agenda penting tanpa meminggir kaum-kaum lain di negara ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

19 Mac 2019

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 21

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian Pendidikan ada merancang untuk mensyaratkan setiap sekolah untuk membuat ujian saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scales*) bagi mengenal pasti status kesihatan mental seseorang guru dan dapat mengenal pasti tahap stres, kebimbangan dan kemurungan. Jika ada, apakah tindakan selepas seseorang guru didapati mempunyai tahap stres, kebimbangan dan kemurungan di tahap yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga kini tidak mensyaratkan penggunaan ujian saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scales*) bagi mengenal pasti status kesihatan mental guru. Namun pihak KPM telah mengambil inisiatif menghantar borang rujukan sesi kaunseling kepada setiap sekolah (ketua jabatan) untuk merujuk guru-guru yang mempunyai isu berkaitan kebimbangan, kemurungan dan stres. Penggunaan ujian DASS hanya digunakan sebagai saringan awal kesihatan mental yang sah hanya untuk dua (2) minggu sebelum ujian diambil.

Setelah dikenal pasti, sesi kaunseling akan dijalankan kepada guru yang mengalami tahap stres, kebimbangan dan kemurungan yang tinggi. Kaunselor organisasi akan mencadangkan klien untuk dirujuk kepada pakar psikiatri sekiranya perlu.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan keputusan Kerajaan berkaitan isu Tabung Haji bakal menarik balik subsidi kepada pengiring jemaah dan jemaah rayuan haji pada tahun 2019.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Tabung Haji, termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan itu, Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang layak menerima subsidi seperti di atas untuk Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM9,980.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Tuan Su Keong Siong
[Kampar]**

SOALAN : 23

Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan dengan kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Khas Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya (ERC) yang telah ditubuhkan pada 16 Ogos 2018. Apakah Kerajaan juga sedang mempertimbangkan sistem pendaftaran pengundi secara automatik (*automatic registration of voters*) dan pemutihan Daftar Pengundi sebagai salah satu langkah pembaharuan sistem pilihan raya.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menjalankan fungsi pendaftaran pemilih sentiasa mensasarkan matlamat menghasilkan daftar pemilih yang berwibawa dan diyakini oleh semua pihak untuk diguna pakai dalam suatu pilihan raya umum atau kecil. Justeru, SPR sentiasa terbuka untuk menerima cadangan-cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak terhadap sistem pendaftaran pemilih termasuklah sistem pendaftaran pemilih secara automatik.
2. Berhubung dengan cadangan pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik, SPR sedang meneliti dan menjalankan kajian lanjut yang melibatkan pindaan kepada undang-undang sedia ada, perubahan proses dan prosedur kerja urusan pendaftaran pemilih serta keperluan sistem dan peralatan serta implikasi kewangan yang berkaitan.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SPR juga melaksanakan pembersihan daftar pemilih di bawah Peraturan 10 dan 25 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 melalui kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu mengeluarkan nama pemilih yang telah meninggal dunia dan hilang taraf kewarganegaraan.

4. Di samping itu, SPR juga melalui kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membuat pengemaskinian lokaliti bagi pesara tentera serta pasangan dan pesara polis serta pasangan Polis Pasukan Gerakan Am (PGA) daripada lokaliti tentera/polis kepada lokaliti awam. Ini untuk memastikan hak mereka untuk mengundi kekal terpelihara.

5. SPR juga telah mewujudkan Jawatankuasa Dasar Penambahbaikan Daftar Pemilih di mana jawatankuasa tersebut sedang membuat penelitian yang menyeluruh terhadap isu-isu yang berkaitan dengan urusan pendaftaran pemilih dan seterusnya mengenal pasti mekanisme yang sesuai dan terbaik untuk dilaksanakan oleh SPR kelak. SPR juga telah dan sedang melaksanakan kerjasama strategik dengan jabatan/agensi, badan bukan kerajaan dan parti-parti politik khususnya dalam membuat penambahbaikan terhadap daftar pemilih yang disediakan oleh SPR.

6. Selain itu, SPR sentiasa berusaha untuk memastikan setiap cadangan penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan jayanya serta menepati kehendak undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Datuk Seri Panglima Dr. Maximus
Johnity Ongkili
[Kota Marudu]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 24

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan “devolution of power” bagi Sabah dan Sarawak dan apakah kuasa dan hak-hak yang telah disetujui oleh Kerajaan Pusat untuk dikembalikan kepada Sabah dan Sarawak. Apakah jadual tempoh pelaksanaan dan penyerahan hak-hak tersebut.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
- d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO POAY
(KOTA MELAKA)

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 7

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan konsep “*living wage*” di Malaysia.

PN-1412- L04251

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan *living wage* dalam masa terdekat. Merujuk kepada tafsiran Bank Negara, *living wage* adalah gaji kehidupan wajar yang bukan sekadar memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sahaja. Ia adalah bukan *statutory requirement* seperti gaji minimum dan kebiasaannya kadar *living wage* lebih tinggi berbanding gaji minimum yang bertujuan untuk menampung keperluan asas pekerja.
2. Konsep dasar gaji minimum sedia ada adalah bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) atau gaji pokok sahaja dan ia dilaksanakan melalui Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) dan pewartaan Perintah Gaji Minimum (PGM).
3. Walaupun begitu, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap setiap pandangan dan cadangan. Kementerian melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan meneliti perkara ini bagi memastikan ia benar-benar sesuai dan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

4. Kesimpulannya dasar gaji minimum hanya merupakan salah satu dasar Kerajaan dan bukan satu-satunya dasar yang bertujuan membantu rakyat untuk meningkatkan pendapatan serta menampung keperluan asas. Dasar ini perlu juga dibantu oleh dasar-dasar Kerajaan yang lain bagi memastikan negara ini kekal produktif, berdaya saing dan perkembangan ekonomi yang mampan di samping rakyat memperoleh pendapatan yang munasabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan sebenar SST dari sudut penurunan harga barang keseluruhannya, kesan ke atas kos sara hidup dan jumlah kutipan cukai SST untuk Tahun 2018 dan terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST yang baharu adalah lebih kecil berbanding di bawah sistem GST di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna seperti barang makanan asas tidak dikenakan cukai jualan manakala cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas beberapa jenis perkhidmatan tertentu sahaja. Antara barang yang dikecualikan dari cukai jualan termasuklah makanan asasi seperti beras, gula, ikan segar, ayam segar, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kerajaan juga telah menetapkan sebahagian besar barangan kegunaan industri seperti besi, kayu dan bahan kimia dikecualikan dari dikenakan cukai jualan.

Sejak SST dilaksanakan pada 1 September 2018, Kementerian Kewangan dengan kerjasama JKDM telah meneliti segala maklum balas dan rayuan daripada pihak industri dan perniagaan serta rakyat awam dan membuat keputusan untuk mengecualikan beberapa barangan daripada dikenakan cukai SST serta menyemak semula kadar cukai jualan ke atas barangan tertentu. Ini bermakna, skop pengenaan cukai jualan adalah jauh lebih kecil berbanding GST dan pendekatan mengecilkan skop ini telah dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Jangkaan kutipan hasil SST adalah sekadar RM21 bilion setahun berbanding dengan hasil GST sebanyak RM44 bilion yang dijangka dikutip pada tahun 2018. Beban cukai SST ke atas pengguna adalah jauh lebih rendah kerana RM23 bilion telah dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk cukai yang lebih kecil. Kekurangan bayaran cukai ini tentu bermakna bahawa rakyat akan mempunyai lebih banyak wang untuk dibelanjakan berbanding dengan dahulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inflasi tahun 2018 yang berpurata 1.0% tahun-ke-tahun merupakan kadar terendah yang dicatatkan dalam tempoh 9 tahun. Dalam 4 bulan yang pertama di bawah pentadbiran yang terdahulu, purata kadar inflasi ialah 1.7% tahun-ke-tahun. Ini berbeza dengan 8 bulan

pertama pentadbiran Pakatan Harapan, apabila ia menurun secara signifikan kepada 0.6% tahun-ke-tahun. Kadar inflasi juga telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.7% bagi bulan Januari 2019 berbanding dengan bulan yang sama tahun lepas. Ini menampilkan kesan positif pemansuhan GST dan pengenalan semula SST pada harga pengguna.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Pemantauan Harga Khas SST melibatkan kutipan data harga 900 barangan keperluan pengguna terpilih bermula bulan September 2018. Analisa perubahan harga ini dibandingkan antara bulan Mei 2018 dan Disember 2018 bagi melihat kesan pelaksanaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan terhadap kedudukan harga barangan di pasaran. Berdasarkan analisa tersebut, secara purata, 63.20% daripada 900 barangan telah mencatatkan penurunan harga.

Bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan, Kerajaan melalui KPDNHEP akan terus memantau pergerakan harga barangan keperluan pengguna di pasaran di samping menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan melaksanakan langkah penguatkuasaan pencatutan ke atas perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai SST untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM5.4 bilion sejak tarikh pelaksanaannya pada 1 September 2018, yang melebihi sasaran RM4 bilion yang ditetapkan sebelum ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR - PKR]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 27

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rancangan yang telah dan bakal dilaksanakan untuk memastikan persatuan-persatuan sukan lebih berdikari terutama dalam aspek kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengamalkan prinsip perbelanjaan secara berhemah dalam pentadbiran. Pada masa kini Kerajaan berdepan dengan kekangan kewangan bagi mencapai misi mengurangkan hutang negara, bajet defisit dan sentiasa berusaha meningkatkan pendapatan negara. Sudah tiba masanya untuk persatuan-persatuan sukan untuk lebih berdikari dan tidak mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan semata-mata seperti sebelum ini.
2. Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) telah melaksanakan siri kursus yang mana dibentuk kepada persatuan-persatuan yang berdaftar di bawah Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) untuk menjadi lebih teratur berkenaan dengan pengurusan dan kewangan persatuan. Kursus yang dilaksanakan setiap tahun bagi tujuan tersebut dikenali sebagai Kursus Pengurusan Organisasi Badan Sukan (KPOBS). Kursus ini telah dilaksanakan pada tahun 2012 sehingga kini dan mendapat banyak maklum balas yang baik dari persatuan-persatuan yang menghadirinya.

3. Pihak kementerian melalui Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia juga sentiasa membantu badan sukan dengan memberi khidmat nasihat dan galakan supaya persatuan sukan lebih berdikari dan tidak hanya mengharapkan bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan. Setiap badan sukan harus bijak berdikari dalam menjana sumber kewangan, antaranya persatuan sukan boleh menjalin kerjasama swasta seperti mengadakan memorandum persefahaman (MOU) bagi menjalinkan kerjasama dalam memacu pembangunan sukan di Malaysia.

Selain daripada itu juga persatuan sukan boleh bekerjasama dengan melantik mana-mana syarikat yang berminat untuk menganjurkan acara yang berprestij tinggi. Sebagai contoh kerjasama antara pihak *Malaysia Football League* (MFL) dengan Persatuan Bolasepak Kebangsaan (FAM). Pihak MFL merupakan badan swasta yang menganjurkan Liga Bolesepak Malaysia dan penganjuran acara sukan ini menjana pendapatan kepada pihak FAM setiap tahun.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 28

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi memastikan isu guru duka lara dapat diselesaikan dan statistik kes yang berjaya diselesaikan bagi permohonan kemasukan ke negeri Kelantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha bagi memastikan isu guru duka lara dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun isu guru duka lara akan terus wujud kerana urusan perpindahan tempat kerja oleh pasangan guru atau guru-guru baharu yang mendirikan rumahtangga sentiasa berlaku sepanjang tahun. KPM akan memberi keutamaan kepada permohonan bagi alasan untuk mengikut pasangan, selain turut mempertimbangkan juga kelulusan bagi kes-kes lain seperti kes sakit kronik dan kes ancaman keselamatan. Kelulusan pertukaran guru juga bergantung kepada (3) tiga perkara utama, iaitu Keperluan Perkhidmatan, Kekosongan Jawatan dan Keperluan Opsyen di negeri yang dimohon.

Dalam membuat pertimbangan terhadap keputusan kelulusan pertukaran guru, Jawatankuasa Pertukaran Guru berpandangan bahawa kebajikan dan kepentingan pembelajaran murid perlu diambilkira dan diberi keutamaan. KPM dalam perancangan menawarkan penempatan semula (redeployment) kepada pasangannya guru yang terpisah dengan

menemukan mereka ke negeri yang mempunyai kekosongan jawatan bagi mengurangkan isu guru duka lara. KPM turut meningkatkan Wajaran Pertukaran guru yang terpisah daripada 30 mata kepada 40 mata atas dasar mesra keluarga.

Jumlah keseluruhan permohonan pertukaran guru SMK dan sekolah rendah ke negeri Kelantan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 5,275 yang mana 236 permohonan telah diluluskan bertukar (termasuk 145 permohonan kes duka lara). Bagi tahun 2017 pula, terdapat 5,260 permohonan pertukaran ke negeri Kelantan dan sebanyak 1,019 permohonan yang telah diluluskan (termasuk 420 permohonan kes duka lara). Manakala bagi tahun 2018 sebanyak 5,613 permohonan diterima dan sebanyak 324 permohonan yang telah diluluskan (termasuk 114 permohonan kes duka lara) bertukar pada sesi Jun 2018. Sebanyak 380 permohonan telah diluluskan (termasuk 83 permohonan kes duka lara) bertukar pada sesi Januari 2019.

Secara keseluruhannya, dalam tempoh 1 Januari 2016 sehingga 1 Januari 2019, KPM telah meluluskan pertukaran seramai 14,511 orang guru mengikut pasangan.

Sekian, terima kasih

RJM 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE
KEEN [SELAYANG]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 29

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI
AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan sejauh manakah
perkembangan cadangan menaikkan kadar tarif air di setiap negeri dan
bagaimana Kerajaan menjamin kenaikan tarif air tidak akan
membebankan rakyat terutamanya isi rumah yang berpendapatan rendah.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk melaksanakan Mekanisme Penetapan Tarif Air (*Tariff Setting Mechanism*) atau ringkasnya TSM adalah bertujuan untuk mewujudkan mekanisme penetapan tarif air yang sistematik, telus serta adil bagi manfaat kita semua. TSM mempunyai dua ciri penting. Ciri pertama ialah penyeragaman struktur tarif sedia ada, dan ciri kedua ialah pelarasan tarif sedia ada agar ia tidak terlalu jauh berbanding dengan kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air.
2. Sesi konsultasi dengan operator air dan kerajaan negeri telah diadakan bagi memberi penjelasan mengenai cadangan TSM dengan mengambilkira keperluan industri perkhidmatan bekalan air yang berbeza di setiap negeri. Pada masa ini Kementerian sedang mengadakan proses konsultasi dengan pengguna domestik dan pengguna bukan domestik. Hasil konsultasi ini kelak akan dijadikan input penting bagi pertimbangan Kerajaan dalam menentukan pelaksanaan TSM. Pada masa yang sama hebahan pelaksanaan TSM juga dibuat melalui pelbagai saluran media sosial, media cetak dan media elektronik.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam menetapkan kadar tarif air baharu di bawah TSM, Kerajaan mengambilkira kepentingan serta hak golongan berpendapatan rendah terhad akses kepada bekalan air. Oleh itu, pelarasan tarif yang dicadangkan adalah minimum iaitu melibatkan kenaikan antara 0.06 sen hingga 0.71 sen bagi setiap 1,000 liter penggunaan. Kadar ini secara umumnya jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan bayaran utiliti lain seperti elektrik, gas dan telekomunikasi.
4. Sebagai menjamin pelaksanaan TSM tidak membebankan isi rumah berpendapatan rendah, Kerajaan akan memastikan kenaikan minimum dilakukan kepada jalur penggunaan antara 0 - 20 meter padu, di mana mewakili 47.8% pengguna domestik di Malaysia. Dalam pada itu, cadangan TSM ini juga mengambilkira keperluan untuk mendidik pengguna agar menggunakan air secara berhemah dan penjagaan alam sekitar. Oleh itu, adalah adil sekiranya kadar tarif lebih tinggi dikenakan bagi julat penggunaan air lebih tinggi (> 35 meter padu) dan bagi pengguna komersial.
5. Akhirnya, menjadi aspirasi Kementerian supaya melalui pelaksanaan TSM industri perkhidmatan air yang mapan, berdaya maju serta sentiasa berupaya memberi jaminan kelangsungan bekalan air yang berkualiti pada harga yang adil kepada pengguna dan operator air akan dapat diwujudkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN

KAWASAN : ROMPIN

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 30

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 kedudukan dan keadaan perpaduan negara nampak semakin longgar dan rapuh. Apakah langkah-langkah yang sepatutnya dilakukan oleh Kerajaan bagi memperbaiki situasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya memohon supaya soalan No. 14 oleh YB Dato' Sri Hasan bin Arifin dijawab bersekali dengan soalan No. 74 pada 26 Mac 2019 oleh YB Tuan Ramli bin Mohd Nor kerana mempunyai maksud hampir sama. Mohon Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan mengambil maklum dan perhatian ke atas perkara ini.

Sebagaimana kita sedia maklum, meskipun PRU14 telah berlalu dan Kerajaan baharu telah pun dibentuk, masih terdapat desas-desus bahawa Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan akan mendepani pelbagai isu dan insiden yang sukar dijangka rupa bentuknya terutama di dalam mengurus kerumitan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Kesatuan dan perpaduan rakyat adalah kepentingan bersama yang mesti dipelihara bersama dalam apa juga situasi yang muncul dan berkembang. Masa depan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang berjaya bergantung sepenuhnya pada keupayaan masyarakatnya berfikiran terbuka, bersikap saling menghormati dan bersatu padu secara harmoni mendepani cabaran baru kehidupan.

Kerajaan akan mengambil beberapa langkah strategik memupuk dan memperteguh perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

- a) Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR) bagi memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Langkah penubuhan MPKR bertujuan mempromosikan Malaysia di peringkat global sebagai model negara moderat yang berjaya menjaga keharmonian antara kaum dan agama dan berfungsi sebagai platform untuk percambahan fikiran dan rekonsiliasi antara kaum dan agama.
- b) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) yang inklusif merentasi semua kementerian dan agensi kerajaan dengan menetapkan program-program yang spesifik dan konkrit untuk menyemarakkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.
- c) Mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan cadangan menggubal Akta Suruhanjaya Keharmonian Nasional yang akan melaksanakan fungsi seperti berikut:
 - i) memupuk kesedaran dan pendidikan yang berhubungan dengan keharmonian, perpaduan, integrasi dan kesamarataan.
 - ii) untuk menasihati, membantu dan mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah ke arah perpaduan nasional, integrasi, tanpa diskriminasi dan kesamarataan.
 - iii) untuk menyiasat aduan berkenaan dengan diskriminasi dan mengenalpasti penyelesaian.

- d) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat.
- e) Melaksanakan program dan aktiviti mempromosikan persefahaman dan keharmonian serta toleransi dalam kalangan penganut pelbagai agama seperti *Sambutan World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance*, Dialog Harmoni dan lain-lain.
- f) Mencari penyelesaian terhadap isu-isu perkauman dan agama yang boleh menyebabkan perpecahan kaum dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi melalui khidmat 1,130 orang Mediator Komuniti di seluruh negara.
- g) Meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada pelajar-pelajar sekolah di 6,458 Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara.
- h) Menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat-syarikat milik bumiputera dan bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera melalui Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP).
- i) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun melalui 1,781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara agar mereka dididik mengenai kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat negara ini sejak kecil lagi agar mereka lebih memahami dan menghayatinya apabila dewasa kelak supaya perpaduan masyarakat dan keharmonian negara terus terpelihara.
- j) Menyebarkan mesej dan slogan perpaduan agar membudayakan perpaduan dan meraikan kepelbagaian melalui

penglibatan syarikat-syarikat swasta, GLCs dan badan bukan kerajaan (NGO).

- k) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan dan kebudayaan pelbagai kaum secara berterusan yang bertujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan untuk meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasar seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat.

Terbentuknya kerajaan baharu sudah pasti membawa harapan dan aspirasi baharu. Namun, kita perlu memberikan masa untuk pentadbiran baru melaksanakannya. Apa yang penting adalah kita sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dan patriotik perlu melindungi keamanan dan keharmonian negara dengan mengelak daripada melakukan provokasi dan keganasan yang boleh menimbulkan konflik dan kekacauan. Justeru, tugas paling mendesak untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan gabungan politik pada masa ini adalah untuk memastikan keharmonian kaum dan agama terus dipelihara dan dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD
EDRIS@TUBAU
[LIBARAN]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 31

Y.B. DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS@TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai pelancongan bagi hotel-hotel dan agihannya kepada negeri-negeri, termasuk Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai pelancongan dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pelancongan 2017 (Akta 791) yang diwartakan pada 21 Jun 2017. Pelaksanaan kutipan cukai pelancongan dibuat kepada pengendali premis penginapan berdaftar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan tidak terhad kepada hotel sahaja. Kadar cukai yang dikenakan kepada pelancong asing adalah RM10 sebilik/malam.
2. Dalam ucapan Bajet Tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan. Langkah ini membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk Sabah dan Sarawak, menerima hasil tambahan yang secara agregat dianggarkan berjumlah RM68 juta.
3. Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan pengagihan dan mekanisma penyaluran cukai pelancongan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Majlis Kewangan Negara Tahun 2019.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 32

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik terkini bilangan pengundi yang tidak berdaftar mengikut pecahan kaum, jantina, umur dan negeri berikutan cadangan Kerajaan untuk merendahkan umur layak mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga **31 Disember 2018**, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang belum mendaftar sebagai pemilih adalah seramai **3.89 juta orang** manakala jumlah warganegara yang berumur **18 hingga 20 tahun** bagi tempoh yang sama adalah seramai **1.54 juta orang**. Sekiranya cadangan Kerajaan untuk menurunkan umur layak mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun dilaksanakan, jumlah keseluruhan warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas yang belum mendaftar sebagai pemilih adalah seramai **5.43 juta orang**. Perincian jumlah warganegara yang belum mendaftar sebagai pemilih mengikut negeri adalah seperti di Lampiran.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya tidak mempunyai perincian maklumat tersebut mengikut pecahan kaum, jantina dan umur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kenderaan-kenderaan ambulans baru yang dipohon oleh Klinik Kesihatan di Jalan Perak, Jelutong Pulau Pinang dibekalkan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau keperluan ambulans di seluruh negara bagi hospital dan klinik kesihatan.

Klinik Kesihatan Jalan Perak mempunyai sebuah kenderaan ambulans yang diterima pada tahun 2005 tetapi telah dilupuskan pada bulan Februari 2018. Walaupun tiada ambulans di Klinik Kesihatan Jalan Perak, panggilan kecemasan di sekitar kawasan operasi menggunakan ambulans dari Klinik Kesihatan Air Itam dan dirujuk ke Hospital Pulau Pinang yang jarak 2.5 km sehalu. Sekiranya tiada ambulans dari klinik berdekatan, ambulans dari Hospital Pulau Pinang akan membantu.

Keperluan ambulans bagi Klinik Kesihatan Jalan Perak telah disenaraikan dalam keutamaan pengagihan ambulans pada masa akan datang bagi menggantikan ambulans yang telah dilupus.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]
TARIKH : 19 MAC 2019
SOALAN : 34

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan terutamanya pihak PDRM dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam mengatasi kes penipuan kelayakan akademik di kalangan pemimpin/calon pilihan raya.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada peruntukan undang-undang pilihan raya yang mewajibkan pengisytiharan kelayakan akademik bagi bakal-bakal calon selaras dengan Perkara 47 Perlembagaan Persekutuan iaitu “kelayakan menjadi calon” dan mana-mana undang-undang tubuh negeri untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 35

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang dipohon untuk membaik pulih prasarana sekolah-sekolah Kerajaan di dalam Parlimen Ledang dan nilainya serta sebab peruntukan-peruntukan ini belum diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah permohonan peruntukan penyelenggaraan sekolah yang disenaraikan sebagai keutamaan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) / Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi kawasan Parlimen Ledang adalah sebanyak **RM1.22 juta** untuk tahun 2019.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM970,000.00 untuk menyelenggara sekolah-sekolah di Parlimen Ledang berdasarkan kepada tahap kerosakan yang kritikal dalam kalangan sekolah di Parlimen Ledang. Agensi Pelaksana adalah Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA
MERICAN
[KEPALA BATAS]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 36

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil dapatan Pasukan Petugas Khas mengenai peranan dan fungsi badan berkanun dan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Apakah 2019 akan menjadi tahun berkurangnya "crowding out" di dalam pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan usaha untuk mengoptimumkan penggunaan sumber termasuklah sumber manusia, Kerajaan telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas iaitu Jawatankuasa Rasionalisasi Jabatan/Agensi untuk melaksanakan kajian dan mengesyorkan cadangan rasionalisasi kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN). Objektif utama rasionalisasi ini bertujuan untuk mengoptimumkan sumber sedia ada dan untuk memantapkan organisasi. Kajian masih berjalan dan rumusan akan diketahui pada akhir tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 19 MAC 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jika ada cadangan untuk mengoptimumkan tapak pelupusan sampah yang terdapat di negeri-negeri bagi menghasilkan tenaga boleh diperbaharui.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada masa ini sedang meneliti cadangan untuk mengoptimumkan tapak pelupusan sampah yang terdapat di negeri-negeri bagi menghasilkan tenaga boleh diperbaharui. Susulan daripada penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672), KPKT telah mengambil alih aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri yang menerima pakai Akta 672 yang mana dahulunya dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengambilalihan ini merangkumi pembinaan kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan sanitari, stesen pemindahan dan loji rawatan air larut resap.
2. Seiring dengan peningkatan penajaan sisa pepejal setiap tahun, KPKT telah bercadang untuk membina sekurang-kurangnya 1 fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan *Waste to Energy* (WtE) yang merangkumi rawatan secara biologi, mekanikal dan pengolahan haba (*biological, mechanical and thermal treatment*) di setiap negeri. Lokasi bagi pembangunan loji WtE ini akan menggunakan tapak pelupusan sisa pepejal sedia ada. Selain daripada mengurangkan penggunaan tanah dan mengoptimumkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada, pembinaan loji WtE ini juga dapat menghasilkan tenaga yang boleh diperbaharui serta menghasilkan produk sampingan hasil daripada proses rawatan seperti baja, minyak dan gas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN
[SEMBRONG]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 38

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status pembangunan 550 unit Rumah Generasi Baru FELDA di Sembrong yang sebelum ini telah diluluskan oleh pentadbiran Kerajaan yang lepas di bawah *blueprint* Agenda Perumahan Sembrong.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan sebanyak 550 unit rumah generasi baharu FELDA di Sembrong adalah di bawah projek Rumah Mesra Rakyat FELDA (RMR-FELDA) di mana FELDA menyediakan tapak lot dan syarikat SPNB bertanggungjawab membina rumah. Walau bagaimanapun, projek ini telah ditangguhkan seperti mana kelulusan Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 382 bertarikh 13 September 2018.
2. Pelaksanaan penangguhan ini berikutan kos yang perlu ditanggung oleh FELDA untuk menyediakan infrastruktur asas seperti jalan, paip air, longkang, sistem kumbahan dan pembersihan tapak dengan anggaran sebanyak RM300 juta bagi keseluruhan projek atau RM60 ribu per lot tanah. FELDA tidak dapat menanggung kos berkenaan dalam situasi kekangan kewangan pada masa ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
19 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 39

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai pelancongan yang diterima Pusat sejak ia diperkenalkan mengikut pecahan setiap negeri. Adakah ia akan dipulangkan kepada negeri-negeri berkaitan dan apakah mekanismenya. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai pelancongan dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pelancongan 2017 (Akta 791) yang diwartakan pada 21 Jun 2017. Pelaksanaan kutipan cukai pelancongan dibuat kepada pengendali premis penginapan berdaftar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan tidak terhad kepada hotel sahaja. Kadar cukai yang dikenakan kepada pelancong asing adalah RM10 sebilik/malam.
2. Dalam ucapan Bajet Tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan. Langkah ini membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk Sabah dan Sarawak, menerima hasil tambahan yang secara agregat dianggarkan berjumlah RM68 juta.
3. Pada masa ini, Kementerian Kewangan sedang memuktamadkan pengagihan dan mekanisma penyaluran cukai pelancongan kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Majlis Kewangan Negara Tahun 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 40

DATO' MASIR KUJAT minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER
ASLI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi
masalah tekanan bekalan air rendah di Sri Aman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Persekutuan sentiasa memastikan keperluan rakyat ke atas sumber air terawat sentiasa dijaga demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan telah melaksanakan projek pembinaan loji, kolam takungan dan paip untuk bekalan air Sri Aman dengan peruntukan berjumlah RM100 juta dan projek ini telah siap pada tahun 2017 bagi tujuan mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan tersebut.

Sekian , terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU

KAWASAN : SARIKEI

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 41

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa ahli politik tidak akan menyalahgunakan isu-isu perkauman dan keagamaan untuk kepentingan politik sehingga mengorbankan keharmonian kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sejarah membuktikan bahawa Malaysia dapat mengatasi sebarang cabaran jika rakyatnya bersatu padu dan sanggup melalui kesukaran bersama. Malah, kepelbagaian rakyat Malaysia adalah kekuatan kita. Ia tidak sepatutnya menjadi punca konflik, tetapi perlu menjadi resipi untuk mencapai kejayaan dalam pembangunan dan kemajuan sosioekonomi.

Melihat kepada keadaan semasa di mana polarisasi kaum terus menjadi isu yang serius diperdebatkan, kita tidak sepatutnya membenarkan ahli politik berkempen secara tidak bertanggungjawab untuk memecah-belahkan rakyat. Kita juga tidak boleh membenarkan hubungan harmoni di antara pelbagai kaum diancam oleh polarisasi perkauman dan politik berlebihan kerana ia boleh membawa kepada pergeseran antara pelbagai kaum di negara ini.

Kerajaan baharu yang dibentuk di bawah kepimpinan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sentiasa peka dan sensitif terhadap isu-isu yang menyentuh kaum dan agama dan akan sentiasa memastikan keharmonian terus terpelihara melalui langkah-langkah berikut:

- a) mengingatkan pemimpin parti politik supaya menjaga sensitiviti kaum dan agama dan tidak membuat teguran secara terbuka. Setiap kenyataan yang dikeluarkan tidak sepatutnya menyakitkan hati mana-mana kumpulan kaum dan penganut agama.
- b) Menyampaikan mesej kepada pemimpin-pemimpin parti-parti politik supaya mengingatkan dan memberikan kesedaran kepada ahli-ahli parti agar sentiasa mengukuhkan perpaduan, terutama dalam persekitaran domestik dan luaran yang amat mencabar pada masa ini.
- c) menghormati antara satu sama lain apabila memberi sebarang pendapat dan pandangan dan tidak melampaui batasan dengan menggunakan bahasa yang kesat ketika menyentuh isu kaum

dan agama. Walaupun wujud ideologi politik dan pandangan yang berbeza, masing-masing perlu kekal menghormati dan menghargai satu sama lain seperti kebiasaan dan meneutralkan politik kebencian.

- d) mendakwa di mahkamah mana-mana ahli politik yang sengaja menimbulkan sensitiviti kaum dan agama sehingga menimbulkan kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Walaupun terdapat ideologi politik dan pandangan yang berbeza, kita perlu kekal menghormati dan menghargai antara satu sama lain seperti kebiasaan. Memetik kata-kata seorang aktivis masyarakat yang disegani, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, “apa yang paling diperlukan oleh Malaysia untuk meneutralkan politik kebencian pada masa ini ialah pembina jambatan etnik (*bridge builder*) dan bukannya wira etnik (*ethnic hero*)” adalah amat bertepatan sekali untuk kita sama-sama menghayati dan memahami maksud di sebalik kata-kata tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAJ]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian untuk mempercepat pemberian baja subsidi (tambahan) semasa umur padi berusia 50 hari.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baja NPK tambahan terdiri daripada elemen Nitrogen, Phosphorus dan Kalium. Pembekalan baja NPK tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) ini adalah keperluan asas bagi tanaman padi bagi peringkat pokok terbit tangkai, pembentukan buah dan seterusnya meningkatkan hasil tanaman padi pada hari ke 45 hingga hari ke 50.

Ketika ini, keperluan baja NPK tambahan berbeza mengikut musim penanaman dan umur padi di kawasan jelapang serta luar jelapang. Baja Tambahan NPK berjumlah 26,000 mt dengan nilai RM62.4 juta telah diedarkan di seluruh Malaysia mulai 5 Mac 2019 bagi memenuhi keperluan musim pertama 2019 (1 Januari – 31 Mac 2019).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 43

Y.B. TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang Kerajaan yang telah dikembalikan atau dijangka akan dapat dikembalikan kepada negara dalam isu skandal 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Kerajaan telah menyatakan komitmen untuk mendapatkan semula dana/ aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang didakwa telah diseleweng.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa tempatan telah bekerjasama dengan pihak berkuasa asing dari negara-negara, antaranya seperti Singapura, Indonesia, Amerika Syarikat dan Switzerland untuk memulihkan dan membawa balik dana yang diseleweng dari 1MDB serta aset yang dibeli dengan menggunakan dana 1MDB.

Hasil daripada kerjasama tersebut, berikut merupakan antara perkara yang telah dicapai:

1. Kerajaan telah berjaya membawa balik kapal layar mewah Equanimity di mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 19 Oktober 2018 telah mengisytiharkan 1MDB sebagai pemilik sah kapal layar berkenaan. Pada masa ini, proses bidaan bagi penjualan kapal layar tersebut sedang berlangsung dan dijangka berakhir pada 31 Mac 2018;
2. Pada bulan September 2018, mahkamah di Singapura telah mengarahkan supaya dana berkaitan 1MDB yang dirampas sebanyak SGD15 juta, dipulangkan semula kepada Malaysia. Jumlah tersebut akan diterima secara berperingkat;
3. Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) telah memeterai perjanjian penyelesaian dengan Red Granite Pictures berhubung hak perfileman mereka di mana jumlah penyelesaian sebanyak kira-kira USD60 juta telah dibayar pada bulan Mac 2018. Wang penyelesaian yang dibayar oleh Red Granite kepada Kerajaan Amerika Syarikat tersebut akan dihantar balik ke Malaysia dalam masa terdekat; dan
4. Pada 30 Oktober 2018, Kerajaan telah memfailkan permohonan bagi pihak Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan 1MDB di Mahkamah Tinggi di London, England untuk mengetepikan *Consent Award* bertarikh 9 Mei 2017 yang telah direkodkan oleh *London Court of International Arbitration* (LCIA) dalam prosiding timbang tara yang melibatkan International Petroleum Investment Corporation (IPIC), Aabar

Investments PJS (Aabar PJS), 1MDB dan MKD atas dasar pembuatan *Award* tersebut telah terjejas oleh *fraud* dan/atau bercanggah dengan dasar awam.

Berdasarkan *Consent Award*, 1MDB dan MKD, antara lain, terdedah (*exposed*) kepada obligasi pembayaran berbentuk tunai dan indemniti, secara kumulatifnya (*cumulatively*), lebih kurang sebanyak USD5.78 bilion kepada IPIC dan Pemegang Bon.

Sekiranya permohonan ini berjaya, 1MDB dan MKD akan terlepas daripada pendedahan tersebut di bawah *Consent Award*. Ini merupakan langkah yang perlu diambil dalam proses untuk mempertikaikan keseluruhan perjanjian penyelesaian bertarikh 24 April 2017 antara IPIC, Aabar PJS, 1MDB dan MKD yang turut mengandungi terma-terma lain.

Tuan Yang Dipertua,

Proses untuk mendapatkan semula dana 1MDB yang telah diseleweng sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara pelbagai agensi tempatan dengan pelbagai agensi asing dari pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah negara asing. Namun, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa yang lain akan terus berusaha untuk mendapatkan semula semua dana 1MDB yang telah diseleweng sama ada melalui individu atau syarikat tertentu serta membawa semua pesalah kes kleptokrasi terbesar ini ke muka pengadilan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penjelasan ekoran kegagalan Kerajaan untuk melunaskan elaun sara hidup sebanyak RM800 sebulan kepada peserta Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA) yang melaksanakan projek penanaman semula getah sehingga pokok mencapai tahap matang dalam tempoh enam tahun.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pengurusan FELCRA menanggungkan secara sementara bantuan sara hidup peserta-peserta FELCRA bermula Ogos 2018. Bantuan ini adalah merupakan pinjaman kepada peserta menggunakan sumber dalaman FELCRA yang dicajkan di dalam akaun kos pembangunan ladang peserta.
2. Penanggungkan ini juga disebabkan oleh situasi semasa kewangan Syarikat yang lemah ekoran kejatuhan harga komoditi di pasaran global, dan juga kesilapan dan kelemahan tadbir urus Pengurusan terdahulu dalam menguruskan kewangan Syarikat.
3. Dimaklumkan bahawa bantuan sara hidup merupakan pembiayaan kepada peserta bagi menampung kehilangan sumber pendapatan apabila projek tidak mempunyai hasil dengan pelaksanaan program tanam semula.
4. Bantuan sara hidup kepada peserta yang menyertai program tanam semula dibiayai melalui dua sumber utama iaitu:
 - (i) Sumber tabungan peserta seperti Tabung Tanam Semula (TTS), jualan kayu getah, Bantuan Tanam Semula RISDA (BTSR), bantuan MPOB dan sebagainya; dan
 - (ii) Sumber pinjaman daripada FELCRA Berhad sendiri.
5. Sumber pinjaman daripada FELCRA Berhad diluluskan seperti mana kadar berikut:
 - (i) Sebelum tahun 2014, kadar pinjaman sebanyak RM30/ekar/bulan selama empat (4) tahun bagi tanaman sawit dan enam (6) tahun bagi tanaman getah; dan
 - (ii) Bermula tahun 2014, kadar tersebut dinaikkan kepada RM70/ekar/bulan selama empat (4) tahun bagi tanaman sawit dan enam (6) tahun bagi tanaman getah.

6. Sehingga Julai 2018, jumlah bantuan sara hidup yang telah diluluskan adalah sebanyak RM300.6 juta bagi 21,400 peserta di 227 buah projek. Peruntukan sebanyak RM300.6 juta dibiayai melalui dua (2) sumber iaitu :-
 - (i) Sumber tabungan peserta sebanyak RM97.4 juta; dan
 - (ii) Sumber daripada pinjaman FELCRA Berhad sebanyak RM203.2 juta.
7. Manakala bagi jumlah bantuan sara hidup yang telah dibayar pada tahun 2013 sehingga Julai 2018 adalah sebanyak RM190,570,900.
8. Di samping itu, komitmen FELCRA Berhad sekiranya bantuan sara hidup diteruskan kepada projek yang telah mendapat kelulusan dari Ogos 2018 hingga tahun 2022 adalah berjumlah RM110,095,542.
9. Dimaklumkan juga FELCRA Berhad telah memutuskan bantuan sara hidup kepada peserta projek-projek FELCRA Berhad yang melaksanakan program tanam semula bermula bulan Ogos 2018 melalui dana dalaman syarikat diberhentikan sehingga satu keputusan lanjut diputuskan oleh Lembaga Pengarah FELCRA Berhad kesan daripada kedudukan kewangan syarikat yang meruncing.
10. Berdasarkan keperluan untuk menyediakan bantuan pembiayaan sara hidup yang besar terhadap kewangan FELCRA, Kementerian sedang meneliti semula bantuan pembiayaan sara hidup supaya ianya benar-benar sampai kepada peserta FELCRA yang layak sahaja.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
19 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN NO. 45

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan lantikan lembaga Pengarah dalam agensi Kerajaan dan GLCs setakat ini menurut merit yang ditetapkan.

[JPM]

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Januari 2019 mengenai pelantikan Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan (BPP), Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa Lembaga Pengarah BPP boleh dilantik daripada kalangan anggota-anggota parti politik yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, pelantikan Ahli Lembaga Pengarah BBP tersebut perlu dirujuk untuk tapisan dan kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terlebih dahulu bagi menentukan kesesuaian.

Di samping itu, inisiatif keenam dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 yang dipantau oleh Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah menyebut bahawa kerajaan akan memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan profesional sahaja bagi menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Tempatan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

RUJUKAN : L5 [PR-1421-L03637]

SOALAN NO. 46

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat dan bilakah sijil pemilikan rumah flat di Taman Mutiara Labuan boleh diperolehi oleh pembeli yang sudah menunggu sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, pengeluaran hak milik strata (geran pemilikan) rumah flat Taman Mutiara dan bangunan strata (bertingkat) yang lain adalah di bawah Akta Hak Milik Strata 1985 yang diurustadbir oleh Pejabat Tanah dan Galian. Akta tersebut dipanjangkan ke Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2010 seiring dengan pemanjangan dan pemakaian Kanun Tanah Negara (KTN) sebelum ini, Wilayah Persekutuan Labuan memakai Ordinan Tanah Sabah bagi urusan pentadbiran tanah.

Walau bagaimanapun seperti dimaklumkan oleh Pejabat Tanah dan Galian, Kaedah-Kaedah Hak Milik Strata masih belum diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara dan dalam proses bagi tujuan tersebut. Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan (PTG Labuan) berusaha untuk mewartakan Kaedah-Kaedah Hak Milik Strata ini dalam bulan Jun 2019 untuk digunapakai di Wilayah Persekutuan Labuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
(MERSING)**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan objektif Kertas Putih Pertahanan disediakan berbanding dengan Dasar Pertahanan sebelum ini yang turut mengambil kira soal keselamatan negara dan serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kertas Putih Pertahanan (KPP) merupakan evolusi kepada Dasar Pertahanan Negara (DPN) yang dihasratkan untuk menjadi satu dokumen terbuka yang menjelaskan pernyataan niat, kemampuan serta menggariskan arah tuju pertahanan dan keselamatan negara.

Pembangunan Kertas Putih Pertahanan menekankan kepada tiga prinsip utama iaitu inklusif, ketelusan dan berasaskan bukti (*evidence based*). Pembangunan Kertas Putih akan merangkumi kajian semula DPN dan kajian ke atas prestasi sektor pertahanan terutama di dalam aspek keutamaan pelaburan bagi aset ketenteraan dan bajet pertahanan. Diagnosis berasaskan bukti diimplementasikan agar kelemahan dan jurang sedia ada dapat dikenal pasti dan membolehkan strategi-strategi pertahanan yang mampan, terangkum dan seimbang dapat dibentuk. Berpaksikan prinsip inklusif, pelan libat-urus pembangunan KPP akan melibatkan semua pemegang taruh berdasarkan kaedah *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Society*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]
TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 48

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahbaik undang-undang sedia ada berkaitan pemalsuan sijil akademik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996).

Kawalan Akta 555 merangkumi aspek integriti dan profesionalisme tenaga pengajar akademik di IPTS. Akta 555 memperuntukkan bahawa Ketua Eksekutif perlu didaftarkan dengan kelulusan Ketua Pendaftar dan tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

NO. SOALAN : 48

Sekiranya didapati Ketua Eksekutif atau tenaga pengajar membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkaitan dengan permohonannya bagi mendapatkan permit mengajar atau telah dengan sengaja menyembunyikan suatu fakta material, maka IPTS atau Ketua Eksekutif telah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya sekali dibawah Sek 81(c) Akta 555. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes pemalsuan ijazah yang pernah dilaporkan, ianya disiasat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih

RJM 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 49

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah keadaan tebusan rakyat
Malaysia, Jari Abdulla yang ditahan oleh kumpulan Abu Sayyaf
berhampiran gugusan kepulauan Tawi Tawi milik Filipina, pada 5
Disember lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis telah menjalankan siasatan berkait Kinabatangan repot
2886/18 pada 5 Disember 2018 yang diklasifikasikan di bawah Seksyen
4 Akta Senjata Api (penalti lebih berat) 1971. Pengadu telah membuat
laporan menyatakan bahawa dua orang pekerjaanya warganegara
Indonesia dan seorang warga negara Malaysia telah tiada dalam bot
pukat tunda nombor pendaftaran SN 259/4/F dan gagal menghubungi
ketiga-tiga mereka melalui telefon. Pengadu mempercayai mangsa telah
dilarikan oleh pihak yang tidak dikenali. Kejadian tersebut berlaku di
Kuala Segama, Sabah. Pihak PDRM masih meneruskan siasatan
dan dari maklumat yang diperolehi, semua mangsa dipercayai masih
hidup.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 50

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setelah hampir 6 dekad berjuang menangani masalah penagihan dadah dengan berbilion dihabiskan, adakah Kementerian bersedia untuk membuat perubahan drastik seperti negara-negara barat yang berjaya menurunkan kadar masalah ini serta memberi peluang kepada para doktor menerajui rawatan penagihan dengan pendekatan tidak memenjarakan penagih dan dasar dekriminilisasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat Bagan Serai dan dewan yang mulia ini, Kerajaan sedar bahawa dadah bukanlah suatu masalah baru yang melanda negara kita. Pelbagai tindakan telah diambil oleh Kerajaan sejak awal kurun ke-19 lagi, iaitu semasa candu diperkenalkan dan dibawa masuk ke Malaya. Sejak itu, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah dan memperbaharui pendekatan terutamanya apabila terdapat penemuan baru dalam bidang pemulihan penagihan dadah. Kajian semula sentiasa dilaksanakan bagi memastikan tindakan yang diambil adalah sesuai dengan perubahan semasa.

SOALAN NO : 50

Sejak penggubalan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, pelbagai pendekatan telah diambil bagi memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah. Pada permulaan pelaksanaan Akta tersebut, kaedah umum yang digunapakai ialah detoksifikasi tanpa rawatan perubatan dan pengasingan di Pusat-Pusat Pemulihan Dadah Kerajaan. Walau bagaimanapun, dengan adanya peningkatan pengetahuan dan ilmu berkenaan penagihan dadah, program-program yang berasaskan bukti saintifik (*evidence-based*) dan *best practices* telah diperkenalkan dalam usaha menangani penagihan dadah.

Pada masa ini, Kerajaan mengamalkan pendekatan dual polisi, di mana penagih dadah dianggap sebagai golongan yang memerlukan pertolongan dari aspek kepulihan dan program rawatan dan pemulihan dilaksanakan secara berterusan manakala mereka yang melakukan jenayah dadah seperti menjual dan mengedar dadah diambil tindakan tegas serta dihukum penjara.

Oleh itu, tindakan ke atas penagih dadah bukan sahaja terhad kepada tindakan melalui undang-undang di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 tetapi juga melalui pendekatan sukarela di mana penagih dadah digalakkan untuk mendapatkan bantuan daripada pusat-pusat khidmat AADK dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian. Pada masa kini, terdapat sebanyak 55 buah Pusat Pemulihan Dadah Persendirian yang dikendalikan oleh badan swasta dan badan bukan Kerajaan.

Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa menjalinkan kerjasama strategik antara Kementerian terutamanya para profession perubatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sebagai contoh, Kerajaan telah memperkenalkan program pengurangan kemudaratan (*harm reduction*) sejak tahun 2005 melalui pendekatan *Medication-Assisted Therapy* dan *Needle Syringe Exchange Programme* di bawah seliaan KKM dengan kerjasama badan-badan bukan Kerajaan yang banyak membantu individu-individu terpinggir yang terjebak dengan penagihan dadah. Pendekatan dari segi perubatan ini telah dilaksanakan di 889 buah fasiliti Kerajaan dan Swasta yang menawarkan perkhidmatan kepada 99,481 orang pada tahun 2017.

SOALAN NO : 50

Kerjasama erat di antara AADK dan KKM juga sedia terjalin, terutamanya dalam bidang rawatan psikiatri di mana klien AADK dirujuk kepada doktor perubatan di fasiliti kesihatan Kerajaan apabila berlaku isu-isu kesihatan mental seperti *drug induced psychosis*. Kerjasama erat ini penting kerana kes-kes penagihan dadah sering berkait dengan isu kesihatan mental. Sebagai contoh, Klinik *Cure and Care* Tampoi, Johor mempunyai hubungan kerjasama yang erat dengan Hospital Permai, Johor Bahru di mana penagih dadah jenis *amphetamine-type stimulants* di bawah jagaan AADK mendapat rawatan yang berterusan di hospital tersebut.

Program pemulihan melalui pendekatan psikososial yang dilaksanakan di bawah model *Cure and Care* AADK bersekali dengan Rawatan Terapi Gantian dan sokongan perubatan membolehkan seseorang individu mendapatkan pekerjaan yang stabil dan secara tidak langsung, meningkatkan taraf hidup klien, mengurangkan perlakuan jenayah dan membantu mengubah kehidupan klien menjadi lebih bermakna dan produktif.

Secara keseluruhannya, program rawatan dan pemulihan yang diterajui oleh AADK ini dengan kerjasama pelbagai pihak terutamanya profesion perubatan, telah menunjukkan kesan yang positif. Dalam pemantauan aspek kepulihan klien AADK, didapati bahawa sebanyak 60% daripada klien dapat mengekalkan kepulihan berbanding sasaran sebanyak 40% yang ditetapkan dalam Key Performance Indicator (KPI) Kementerian untuk tahun 2018.

Pendekatan sukarela dalam mendapatkan rawatan dan pemulihan penagihan dadah serta pendekatan perubatan yang sedang diamalkan ini dilihat sebagai pendekatan dekriminalisasi yang telah disesuaikan dengan keadaan semasa dalam negara. Merujuk pendekatan-pendekatan yang diambil oleh beberapa buah negara asing seperti Portugal yang mengamalkan dasar dekriminalisasi dalam menangani masalah dadah di negara tersebut, Kementerian sentiasa terbuka untuk melaksanakan pendekatan-pendekatan yang berkesan dalam menangani masalah dadah tanpa berkompromi dengan aspek keselamatan dalam negara. Walaupun begitu, perubahan dasar seperti ini memerlukan kajian yang menyeluruh sebelum ia dilaksanakan kerana ia perlu disesuaikan dengan keadaan semasa dalam negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha dan program Kementerian untuk membantu para pekebun kecil, penternak dan petani yang mengamalkan pertanian secara berpindah randah khususnya di kawasan pedalaman Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian Sarawak dan Jabatan Pertanian Malaysia tidak mempunyai pengkhususan projek bagi petani yang mengamalkan pertanian secara berpindah randah. Walau bagaimanapun, MOA sentiasa membantu para pekebun kecil dan petani melalui projek / program pembangunan seperti pemberian galakan / insentif yang meliputi pembangunan infra ladang, bantuan input seperti benih, baja dan racun terutamanya bagi industri buah-buahan dan sayur-sayuran, termasuk di Negeri Sarawak adalah seperti berikut:

- a) Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan;
- b) Projek Tanaman Semula Buah-buahan Terpilih;
- c) Projek Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran;
- d) Projek Pembangunan Tanah Terbiar;
- e) Projek Pertanian Bandar/ Pertanian Rakyat (*community farming*);
- f) Program Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan;
- g) Program Pembangunan Tanaman Sayuran dan Kontan;
- h) Program Pembangunan Industri Kelapa;
- i) Program Pembangunan Industri Buah-Buahan;
- j) Program Pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA); dan
- k) Program Pembangunan Industri Padi.

Selain itu, projek-projek di bawah Bantuan Peningkatan Hasil Sayur-sayuran dan Projek Pembangunan Pertanian Bandar atau Pertanian Rakyat adalah projek yang bersesuaian kerana melibatkan penanaman sayur-sayuran dan tanaman singkat masa (*short-term crops*) yang boleh memberikan hasil bagi kegunaan sendiri dan mengurangkan kos sara hidup khususnya di kawasan pedalaman Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN : 52

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan Projek-projek Lampu Jalan Kampung (LJK), Bekalan Elektrik Luar bandar (BELB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB) mengikut Kampung secara terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMK-11 bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019 sebanyak 46 projek telah dilaksanakan di Negeri Sarawak dengan pecahan 38 projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan 8 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

Bagi Program BALB, nilai kos keseluruhan bagi 38 projek tersebut adalah sebanyak RM1.8 billion. Daripada 38 projek tersebut, 5 projek adalah dalam pelaksanaan, 8 projek di dalam proses untuk ditender, 13 projek dalam reka bentuk manakala 12 projek perlu dibuat semula pelantikan perunding.

Manakala bagi Program BELB nilai keseluruhan bagi 8 projek tersebut adalah sebanyak RM917.2 juta. Daripada 8 projek tersebut, 6 projek adalah dalam pelaksanaan dan 2 projek telah siap.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi Parlimen Puncak Borneo, terdapat satu projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang akan dilaksanakan iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Puncak Borneo Fasa II Bahagian Kuching, Sarawak. Projek ini telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) dengan kos siling sebanyak RM129 juta. Status terkini adalah di dalam proses lantikan Perunding.

Bagi BELB pula, di bawah RMK-11 dari tahun 2016 hingga tahun 2019 sebanyak lima (5) projek telah dilaksanakan di kawasan Puncak Borneo yang telah memberi manfaat kepada 325 buah rumah di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Negeri Sarawak bagi tahun 2018 telah bermula pada 9 April 2018 dan berakhir pada 9 Februari 2019 melibatkan sebanyak 7,250 unit LJK bagi pemasangan di 26 buah Parlimen luar dan pinggir bandar di negeri tersebut. Dari jumlah ini, 3,750 unit adalah LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) manakala 3,500 unit lagi adalah LJK jenis *light emitting diode* (LED).

Bagi Parlimen Puncak Borneo, sebanyak 291 unit LJK telah dipasang, dengan pecahan 256 unit lampu jenis HPSV manakala 35 unit lagi lampu jenis LED.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Jonathan Yasin [Ranau]

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 53

Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam mengkaji hak dan status Sabah dan Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 semenjak Jawatankuasa Khas Kabinet ditubuhkan.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan

skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
- b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
- c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
- d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.

Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
KAWASAN : PETRA JAYA
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa banyak projek yang diklasifikasikan sebagai projek sakit dan apakah tindakan pihak Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **sesuatu projek dikategorikan sebagai projek sakit apabila** kemajuan kerja fizikal telah mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20 peratus (mengikut mana terdahulu) berbanding jadual yang ditetapkan di dalam kontrak; dan kontraktor tidak berupaya untuk memperbaiki prestasinya.

Sehingga 31 Januari 2019, daripada 363 projek sedang dalam pembinaan terdapat 41 projek dikategorikan sebagai **Projek Sakit**. Bagi mengatasi masalah projek sakit tersebut, pihak kementerian telah mengambil tindakan seperti mana berikut:

1. Memantau prestasi kontraktor dengan rapi termasuk meminta pelan pemulihan;
2. Menambah kekerapan mesyuarat tapak;
3. Membenarkan kerja diteruskan dalam tempoh berdenda (LAD) bagi projek yang hampir siap dan mempunyai keupayaan untuk disiapkan dalam masa terdekat;
4. Mempertimbangkan lanjutan masa jika layak mengikut syarat kontrak;
5. Mengeluarkan surat amaran dan memantau prestasi dengan rapi sebelum mengambil tindakan seterusnya;
6. Memulakan proses penamatan dengan mengeluarkan Notis Untuk Tujuan Penamatan Kontrak Kerja (NUTPKK); dan
7. Mengangkat ke mesyuarat Jawatankuasa *Problem Solving Governance* (PSG) di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG TACK
KAWASAN : BENTONG
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)**

SOALAN :

YB TUAN WONG TACK minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada pembinaan Lebuhraya Central Spine Road dapat dipercepatkan memandangkan rakyat sudah lama menderita akibat masalah kesesakan lalu lintas yang serius di daerah Bentong.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Central Spine Road* dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.3km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

1. Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sungai Lakit, Kelantan (47km);
2. Pakej 2: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
3. Pakej 3: Gua Musang ke Kampung Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
4. Pakej 4: Kampung Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
5. Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km); dan
6. Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Projek ini dilaksanakan secara berperingkat dan pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas. Jajaran sepanjang 189.6km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 172.1km di Negeri Pahang (Pakej 3, 4 dan 5) dan 17.5km di Negeri Kelantan (Pakej 3).

Pada masa ini, jajaran sepanjang 55.35km dari Merapoh ke Kampung Seberang Jelai, Pahang (Pakej 3) dan 5.78km dari Kampung Asap ke Kampung Sertik (Pakej 5) telah pun siap pembinaan. Jajaran dalam pembinaan pula adalah sepanjang 54.92km termasuk di kawasan Bentong iaitu:

1. Pakej 3 (Seksyen 3D dan 3E1) dari Bulatan Gua Musang, Kelantan ke Merapoh, Pahang (16.3km)

2. Pakej 5 (Seksyen 5B) Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Asap, Pahang (16km)

3. Pakej 5 (Seksyen 5C2 & 5D) dari Kampung Asap ke Kampung Sertik dan Bentong Bypass, Pahang (22.62km)

Jajaran dari Kampung Asap ke Kampung Sertik serta Bentong Bypass sepanjang 22.62km dijadualkan siap pada Oktober 2019. Laluan ini merupakan laluan alternatif kepada pengguna yang ingin menuju ke arah Raub, Pahang dan dijangka dapat mengurangkan kesesakan di bandar Bentong sedia ada apabila siap sepenuhnya kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 56

Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memastikan yuran untuk pelajar-pelajar antarabangsa di IPTA adalah lebih dari 30 hingga 40 peratus lebih tinggi dari kadar yuran yang dikenakan untuk warganegara Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar yuran bagi pelajar antarabangsa adalah sejajar dengan dasar penajaan pendapatan oleh Universiti Awam (UA). Yuran yang dikenakan kepada pelajar antarabangsa adalah berdasarkan kadar pasaran institusi pendidikan tinggi jauh lebih tinggi daripada yuran pelajar tempatan berdasarkan kategori bidang.

Sebagai contoh, jumlah purata yuran yang dikenakan kepada pelajar tempatan bagi Sarjana Muda Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan di UA adalah RM8,904.11 dan bagi pelajar antarabangsa pula purata yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM50,018.07. Jumlah ini menyaksikan kadar yuran bagi pelajar antarabangsa adalah melebihi 40 peratus daripada kadar yang ditetapkan kepada pelajar tempatan.

Pihak UA mempunyai autonomi sepenuhnya bagi penentuan kadar yuran kepada pelajar antarabangsa bagi bidang pengajian di universiti masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-

- (a) apakah pelan jangka panjang pihak Kementerian bagi memastikan kejatuhan harga getah tidak akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil getah ; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan peruntukan tambahan dan berterusan untuk tujuan ini.

JAWAPAN (a):

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti komoditi lain juga, getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran antarabangsa. Memandangkan syer pengeluaran Malaysia hanya 5.5% daripada pengeluaran getah dunia, maka kita tidak dapat mengawal harga getah. Namun demikian, Kementerian akan terus komited dalam memastikan harga getah dapat ditingkatkan bagi memelihara kebajikan pekebun kecil dengan melaksanakan pelbagai langkah.

Bagi langkah jangka panjang, Kementerian menggalakkan peningkatan penggunaan getah dalam negara sehingga 10% daripada jumlah pengeluaran getah asli negara. Ini termasuk penggunaan getah dalam

pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *Seismic Bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia komited untuk terus bekerjasama dengan negara pengeluar utama getah seperti Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* bagi memperkukuh harga getah. Di bawah kerjasama ini, syer pengeluaran ketiga-tiga negara adalah 66% daripada pengeluaran getah asli dunia. Pelbagai strategi turut dilaksanakan seperti *Demand Promotion Scheme* yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan getah di peringkat domestik melalui projek jalan getah (*rubberised road bitumen*), *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang bertujuan mengurangkan eksport untuk menangani ketidakseimbangan stok dari pasaran global dan meneruskan pelaksanaan Skim Pengurusan bekalan (*Supply Management Scheme*) bagi mengawal pertumbuhan pengeluaran getah asli agar tidak melebihi jangkaan permintaan getah asli pada masa akan datang.

JAWAPAN (b):

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk jangka panjang, Kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta pada tahun ini bagi pembinaan jalan berasaskan getah sekerap. Selain daripada itu, model koperasi akan turut ditambah baik. Pemberian peruntukan tambahan pula akan dikaji dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada keadaan kewangan Kerajaan.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

Puan Rusnah Binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barang, kos sara hidup yang tinggi serta kadar peluang pekerjaan rendah untuk golongan M40.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi menangani kos sara hidup rakyat antaranya:

- (i) **Melalui kawalan harga barangan** di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan pelaksanaan subsidi bersasar untuk petroleum di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974;
- (ii) **Penghapusan monopoli / kartel** bagi industri-industri yang boleh diliberalisasikan agar wujud persaingan sihat dengan harga yang lebih kompetitif. Di bawah KPDNHEP, perkara ini sedang diteliti oleh Suruhanjaya Persaingan (MyCC) bagi memastikan tiada pemain industri yang dominan dalam pasaran; **dan**
- (iii) Inisiatif terkini Kerajaan melalui **penubuhan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup** yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 59

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kesudian Kementerian memasukkan satu provisi kesamarataan ke dalam Akta Pendidikan untuk memastikan semua murid akan menerima sumber pendidikan yang sama rata tanpa mengira tuntutan pelajaran di SK, SJKC, SJKT atau sekolah rakyat selaras dengan konsep "kesamarataan sumber pendidikan" dan mempertimbangkan perbezaan di luar bandar-bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendidikan dan perkara-perkara berkaitan dengannya yang dilaksanakan melalui sistem pendidikan kebangsaan sebagai usaha memenuhi keperluan negara, memupuk perpaduan, pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Selaras dengan itu, dasar-dasar pendidikan yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan semua sekolah dan murid tanpa mengira jenis sekolah serta lokasi mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Bagi maksud tersebut, KPM membekalkan guru terlatih dan berkelayakan untuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah selain memberikan bantuan dan peruntukan kewangan yang sewajarnya tanpa

mengira sama ada sesebuah sekolah itu sekolah Kerajaan ataupun sekolah bantuan Kerajaan.

Pada dasarnya peruntukan mengurus yang disalurkan kepada sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan adalah sama. Peruntukan mengurus antara lainnya bagi tujuan emolumen, elaun guru, pemberian geran perkapita (PCG), peralatan pengajaran dan pembelajaran, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan.

Untuk tahun 2019, penyaluran bantuan pembangunan juga disalurkan melalui peruntukan pembangunan (DE) kepada semua sekolah bantuan Kerajaan bergantung kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Selain daripada itu, Bantuan Persekolahan KPM yang meliputi 19 jenis bantuan persekolahan juga turut dinikmati oleh semua murid sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih

RJM 42

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

**DARIPADA : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi
[Bagan Datuk]**

SOALAN : 60

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dapatan atau nasihat yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya Malaysia (*Electoral Reform Committee* - ERC) kepada pihak Kerajaan dalam menambahbaik sistem pilihan raya di Malaysia.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau singkatannya ERC telah ditubuhkan dengan matlamat utama mengkaji sistem dan undang-undang pilihan raya sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkemaskan pelaksanaannya. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di negara ini adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible*, dengan izin serta mendapat kepercayaan awam. Justeru, ERC diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan suatu laporan yang mengandungi cadangan-cadangan reformasi sistem dan undang-undang pilihan raya.

2. Di samping itu, dalam melaksanakan fungsinya yang berasaskan kepada Terma Rujukan, ERC akan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak terutama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Dalam tempoh dua tahun ini, Jawatankuasa tersebut akan mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan pembaikan tentang sistem dan proses pilihan raya termasuk cadangan pindaan undang-undang pilihan raya dan undang-undang yang berkaitan. Buat masa ini, ERC giat menjalankan kajian dan perbincangan dengan pihak-pihak tempatan dan luar negara. Kerangka awal cadangan pembaikan sistem dan undang-undang pilihan raya dijangka dapat disiapkan dalam masa satu tahun.

3. Selepas tamat tempoh dua (2) tahun, satu laporan hasil kajian dan cadangan penambahbaikan akan diserahkan kepada Kerajaan dan pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut akan ditentukan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan menyatakan apakah status terkini persediaan Tahun Melawat Malaysia 2020, dan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memastikan kawasan luar bandar tidak ketinggalan daripada mendapat manfaat hasil dari Tahun Melawat Malaysia 2020 ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mempertingkatkan sumbangan industri pelancongan kepada pendapatan negara, Tahun Melawat Malaysia 2020 akan diteruskan penganjurannya. Bagi memperhebatkan Kempen *Visit Malaysia 2020*, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya mengadakan satu Pertandingan Mencipta logo Kempen *Visit Malaysia 2020* dari 11 hingga 24 Mac 2019. Ia memberi fokus kepada kelestarian pelancongan, seni dan budaya dengan objektif untuk mengurangkan kesan negatif akibat pembangunan pelancongan dan memberikan faedah langsung kepada komuniti termasuk di luar bandar. Pertandingan ini menyediakan platform kepada rakyat Malaysia untuk menyumbang karya mereka dengan berkongsi idea-idea kreatif disamping meningkatkan tahap kesedaran mengenai tahun pelancongan ini.

Selain dari itu, promosi kempen *Visit Malaysia 2020* telah ditingkatkan lagi dengan penyertaan Malaysia sebagai *Partner Country* di Internationale Tourismus-Börse (ITB) Berlin yang telah berlangsung pada 6 hingga 10 Mac 2019. ITB merupakan salah satu platform untuk mengenengahkan Kempen *Visit Malaysia 2020* dan memastikan lebih banyak pakej-pakej menarik diwujudkan sebagai persediaan ke arah Kempen *Visit Malaysia 2020*. Pelbagai aktiviti telah dirancang semasa pameran ini seperti Majlis Pelancaran Astaka Malaysia di ITB, sidang akhbar serta temubual media sepanjang ITB berlangsung, seminar, sesi *business matching* dan juga persembahan kebudayaan. Seramai 145 peserta yang terdiri daripada pihak kerajaan negeri, agensi-agensi pelancongan, hotel, pengusaha produk dan syarikat penerbangan telah mengambil bahagian di dalam pameran ITB.

Tuan Yang di-Pertua,

Kempen *Visit Malaysia 2020* adalah satu misi nasional yang sudah tentunya akan memanfaatkan semua pihak dan lapisan masyarakat termasuk di kawasan luar bandar. Penganjuran acara-acara VM 2020 di setiap negeri akan memberi peluang kepada penduduk kawasan luar

bandar menjual hasil produk mereka seperti produk makanan dan barangan kraf tangan termasuk cenderahati tempatan yang sememangnya digemari pelancong antarabangsa. Pandangan ini mengambil kira bahawa kejayaan kempen VM 2020 dengan peningkatan ketibaan pelancong akan menggalakan kepenggunaan barangan tempatan di mana industri pelancongan ini sendiri merupakan satu *consuming industry* yang berupaya menjana pendapatan bagi pengusaha tempatan termasuklah industri-industri kecil luar bandar. Pemerkasaan industri pelancongan bukan hanya terhad kepada menggalakan industri-industri kecil dan sederhana, malah turut berhasrat untuk membantu penduduk desa menjana pendapatan tambahan melalui pembangunan dan promosi program inap desa.

Pengusaha-pengusaha homestay di Malaysia yang berdaftar juga dapat meningkatkan pendapatan mereka dengan menyediakan aktiviti-aktiviti kampung yang menarik bagi menarik pelancong ke kampung-kampung tersebut. Untuk meningkatkan lebih banyak permintaan bagi program homestay, promosi berkaitan akan dijalankan bagi mempromosi kebudayaan masyarakat Malaysia sejajar dengan *tagline Malaysia Truly Asia*.

Selain dari itu, kerajaan negeri juga memainkan peranan di dalam membantu masyarakat setempat dengan mereliasasikan pelbagai jenis program pelancongan yang dapat memanfaatkan semua pihak. Dengan adanya kerjasama daripada pelbagai pihak sudah tentu lebih banyak program dapat dijalankan dan ekonomi masyarakat setempat dapat dipertingkatkan.

Kempen *Visit Malaysia 2020* merupakan satu misi nasional yang memerlukan penglibatan semua pihak. Kita tidak boleh bekerja secara bersendirian, oleh yang demikian, kerjasama daripada semua kementerian, kerajaan negeri dan rakyat Malaysia adalah penting untuk memastikan negara terus maju dan mencapai sasaran 30 juta pelancong dan RM100 billion pendapatan kepada negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN (GERIK)

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-

- (a) secara jelas hala tuju lima inisiatif kepada veteran ATM yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri ketika pelancaran Tabung Pahlawan 2017 terutama sekali Bantuan Bakti Negara (BBN) di mana kelayakan penerimanya bukan sahaja veteran yang tidak berpencen malah termasuk veteran ATM berpencen yang berumur 60 tahun ke atas; dan
- (b) apakah hasil laporan berhubung dakwaan kira-kira 40,000 hektar tanah milik tentera yang dibuat tanpa tender terbuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Hala tuju inisiatif-inisiatif yang diumumkan oleh mantan Perdana Menteri pada tahun 2017 kepada veteran ATM adalah seperti berikut:

- a) Pemberian Bantuan Bakti Negara (BBN) kepada veteran ATM yang tidak berpencen bagi mengurangkan beban kewangan mereka;
- b) Pelaksanaan Skim Anuiti Veteran (SAVe) kepada anggota ATM yang tidak berpencen;
- c) Kenaikan kadar skim Pencen Hilang Upaya bagi veteran ATM yang tidak mendapat pencen perkhidmatan antara RM500 hingga RM2,000 sebulan;

- d) Pemberian insentif Veteran Kelainan Upaya dengan kadar dinaikkan daripada RM500 Kepada RM1,000 setahun; dan
- e) Penambahan kuota ibadah haji veteran daripada 100 jemaah kepada 400 jemaah.

Inisiatif SAVe dan skim Pencen Hilang Upaya bagi veteran ATM tidak berpencen masih dilaksanakan, manakala inisiatif-inisiatif lain perlu diteliti semula dan dibincangkan bersama semua pihak yang berkepentingan.

Kerajaan sentiasa peka terhadap beban kewangan yang dihadapi oleh veteran ATM dan mencari alternatif lain bagi membantu meringankan beban kos sara hidup mereka.

Bagi dakwaan kira-kira 40,000 hektar tanah milik tentera yang dibuat tanpa tender terbuka ianya masih dalam siasatan pihak kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 63

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa pemantauan dan rondaan Unit Peronda Lebuh Raya di Lebuh Raya Pantai Timur 2 Sdn Bhd (LPT2) didapati semakin berkurangan, dari lima kali rondaan sehari kepada tiga kali sahaja, sedangkan kes-kes keselamatan pengguna dilaporkan makin hari semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Expressway Mobile Patrol Vehicle (EMPV) Bukit Aman mula melaksanakan penugasan di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) pada 16 Ogos 2016 dengan kekuatan 1 pegawai dan 11 orang anggota. Unit ini dibekalkan dengan dua buah kenderaan Mitsubishi Lancer dan sebuah kenderaan Waja. Kawasan tanggungjawab Unit EMPV ini bermula km 250 hingga km 434 iaitu sepanjang 184 km sehala meliputi empat (4) Daerah di Kontinjen Terengganu iaitu :-

1. Kemaman - 47 km;
2. Dungun - 44 km;
3. Hulu Terengganu - 44 km; dan
4. Kuala Terengganu - 12 km.

Penugasan anggota rondaan di LPT2 dibahagikan kepada tiga (3) shif (8 jam setiap shif) bagi tempoh 24 jam. Kekuatan penugasan ini terdiri dari dua (2) anggota setiap shif. Penugasan rondaan ini tidak termasuk rondaan berkereta oleh pihak konsesi (PLUS Polis Bantuan) di kawasan ronda Kijal dan Ajil dengan bantuan kenderaan sebanyak enam (6) buah kenderaan selama 24 jam. Tiada berlaku pengurangan dalam rondaan bagi lebuhraya tersebut yang dibuat dalam tiga shif sehari. Pertambahan yang dimaksudkan itu berlaku apabila pasukan dari trafik Bukit Aman atau Trafik Kontinjen Terengganu membuat operasi khas di lebuhraya tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 64

Y.B. DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) yang telah disaring yang layak menerima bantuan pada fasa kedua dan adakah Kerajaan akan menambah jumlah bantuan dari RM100 kepada jumlah yang lebih berpatutan untuk golongan bujang yang benar-benar memerlukan bantuan Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan Y.B. Kota Tinggi pada 19 Mac 2019, Y.B. Tanah Merah pada 21 Mac 2019 dan Y.B. Lenggong pada 1 April 2019 secara bersekali memandangkan isu yang dibangkitkan adalah hampir sama iaitu berkenaan dengan pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada golongan bujang.
2. BSH merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sehingga 3 Mac 2019, lebih daripada 1.5 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 310,000 permohonan baharu dan 1.19 juta permohonan kemas kini. Disebabkan tarikh pendaftaran/pengemaskinian BSH 2019 akan berakhir pada 15 Mac 2019, jumlah sebenar permohonan masih belum dikenal pasti. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 65

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan domestik dan asing bagi seluruh negara bagi suku kedua tahun 2018 termasuk senarai jenis-jenis pelaburan terlibat serta negara yang melabur.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi separuh tahun kedua 2018 iaitu bagi tempoh Julai hingga Disember, Malaysia telah menarik jumlah pelaburan sebanyak RM115.6 bilion dalam pelbagai sektor ekonomi, meliputi sektor perkhidmatan, perkilangan dan sektor utama (pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi). Pelaburan ini juga melibatkan 2,434 projek dan dijangka mewujudkan sejumlah 70,798 peluang pekerjaan. Projek yang diluluskan adalah merupakan kombinasi kelulusan lesen / insentif / permit daripada 54 kementerian dan agensi Kerajaan di dalam negara.
2. Nilai pelaburan yang diluluskan bagi separuh tahun kedua 2018 mencatatkan peningkatan sebanyak 34.3 peratus berbanding dengan separuh tahun pertama 2018 iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 (RM86.1 bilion). Daripada keseluruhan jumlah pelaburan tersebut, RM60.6 bilion atau 52.4 peratus adalah daripada pelaburan domestik, manakala pelaburan asing mencatatkan pelaburan berjumlah RM55 bilion atau 47.6 peratus.
3. Butiran pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) / Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah seperti berikut:

a) Sektor Perkilangan

- (i) Sebanyak 433 projek perkilangan telah diluluskan bagi tempoh Julai hingga Disember 2018 dengan pelaburan

bernilai RM68.4 bilion. Jumlah pelaburan tersebut terdiri daripada RM24.3 bilion (35.5 peratus) pelaburan domestik dan RM44.1 bilion (64.5 peratus) pelaburan asing. Pelaburan bagi tempoh ini menunjukkan peningkatan melebihi 2.5 kali ganda berbanding dengan tempoh Januari hingga Jun 2018 (RM19 bilion).

- (ii) Produk petroleum (termasuk Petrokimia) telah menerajui jumlah pelaburan dengan menyumbang sebanyak RM31 bilion, diikuti oleh produk elektronik dan elektrik (RM10.4 bilion), produk logam asas (RM7.3 bilion), produk kertas, percetakan dan penerbitan (RM5.3 bilion) dan kimia dan produk kimia (RM3.3 bilion). Lima industri utama ini telah menyumbang sebanyak 83.8 peratus atau RM57.3 bilion daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan bagi tempoh Julai hingga Disember 2018.
- (iii) Bagi sumber pelaburan asing pula, negara Republik Rakyat China (RRC) merupakan antara pelabur asing utama dengan sumbangan pelaburan sebanyak RM14.2 bilion (32.2 peratus), diikuti oleh Indonesia (RM8.5 bilion atau 19.3 peratus), Belanda (RM8.2 bilion atau 18.6 peratus) dan Amerika Syarikat (RM2.8 bilion atau 6.3 peratus).

b) Sektor Perkhidmatan

- (i) Jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan bagi tempoh Julai hingga Disember 2018 adalah bernilai RM8.4 bilion atau 18.5 peratus daripada nilai kelulusan negara. Jumlah pelaburan tersebut terdiri daripada RM2.9 bilion (34.5 peratus) pelaburan domestik dan RM5.5 bilion (65.5 peratus) pelaburan asing. Pelaburan bagi tempoh ini telah merekodkan penurunan sebanyak 13.4 peratus berbanding dengan tempoh Januari hingga Jun

2018 (RM9.7 bilion). Ia adalah disebabkan oleh kajian semula dasar pemberian galakan oleh Kerajaan.

- (ii) Tiga sub sektor utama telah menyumbang sebanyak 86.9 peratus atau RM7.3 bilion daripada jumlah pelaburan dalam sektor perkhidmatan bagi tempoh ini. Sub sektor tersebut adalah pertubuhan global (RM4.1 bilion), hotel dan pelancongan (RM1.8 bilion) dan perkhidmatan kesihatan (RM1.5 bilion).
 - (iii) Bagi sumber pelaburan asing, negara Jerman telah mendominasi pelaburan asing utama dengan sumbangan pelaburan sebanyak RM2.9 bilion, diikuti oleh Singapura (RM2 bilion), Amerika Syarikat (RM350.1 juta) dan China (RM47.6 juta).
4. Malaysia sentiasa menjadi antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.
5. Justeru itu, bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaya saing, Kerajaan akan sentiasa komited dalam mempergiatkan dan mengukuhkan usaha bagi terus menarik pelaburan, terutamanya yang berkualiti tinggi agar dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat melalui limpahan aktiviti ekonomi, peluang perniagaan dan pekerjaan bernilai tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
[LENGGONG]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 66

Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah sehingga kini Kerajaan masih lagi gagal untuk memperkukuhkan nilai mata wang sehingga mengakibatkan nilai ringgit mencatat nilai paling rendah dalam sejarah berbanding baht.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengukuhan baht Thailand bukan sahaja berbanding ringgit tetapi juga berbanding mata wang serantau yang lain. Sehingga 14 Mac 2019, baht Thailand telah menambah nilai sebanyak 2.7% berbanding peso Filipina, 1.8% berbanding dolar AS, 1.2% berbanding dolar Singapura, 1% berbanding rupiah Indonesia dan 0.7% berbanding ringgit. Walau bagaimanapun, prestasi ringgit juga adalah lebih stabil berbanding dengan mata wang serantau. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dolar Singapura, 1.2% berbanding dolar AS dan 1.5% berbanding peso Filipina bagi tempoh yang sama.

2. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit serta mata wang serantau adalah didorong oleh faktor luaran, antaranya:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat dan China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan “ekonomi sedang pesat membangun” (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa

memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Antara langkah tersebut adalah penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 67

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan banduan yang sedang menjalani hukuman gantung sampai mati mengikut pecahan jenis jenayah dan pecahan etnik di antara warganegara dan bukan warganegara dari tahun 2009 sehingga kini serta banduan seumur hidup dalam penjara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 26 Februari 2019 terdapat seramai 1,283 banduan yang telah disabitkan bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati. Hukuman mati tersebut masih belum dapat dilaksanakan kerana banduan terlibat masih dalam proses rayuan sama ada di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan atau di peringkat Lembaga Pengampunan Negeri.

Daripada jumlah keseluruhan banduan akhir ini, statistik menunjukkan bahawa seramai 323 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 302 Kanun Kesiksaan (membunuh), di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (pengedaran dadah) pula terdapat seramai 930 orang yang telah disabitkan, manakala seramai 8 orang telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 121 Kanun Kesiksaan (berperang dengan Yang DiPertuan Agong).

Selain itu, bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 dan 7 Akta Senjatapi (melepaskan tembakan di bawah kesalahan berjadual dan berdagang senjatapi) terdapat seramai 13 orang, dan rekod menunjukkan bahawa terdapat 6 orang dan 2 orang masing-masing disabitkan di bawah Seksyen 3 Akta Culik dan Seksyen 396 Kanun Kesiksaan (rompakan berkumpul dan pembunuhan). Manakala, terdapat seorang banduan disabitkan di bawah Seksyen 57 (1)(A) Akta Keselamatan Dalam Negeri (kesalahan melibatkan senjatapi dan bahan letupan).

Bagi pecahan mengikut kewarganegaraan sejumlah 714 orang adalah banduan warganegara Malaysia dan 569 orang adalah banduan warganegara asing, yang berasal daripada 44 buah Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pecahan mengikut etnik bagi banduan warganegara Malaysia terdiri daripada 349 orang banduan Melayu, 193 orang banduan India dan 172 orang banduan Cina. Manakala, jumlah banduan seumur hidup adalah seramai 202 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 68

**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan :**

(a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi menghapuskan token dadah di Malaysia; dan

(b) berapakah statistik token dadah yang telah berjaya ditangkap oleh pihak PDRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius masalah pengedaran dan penyeludupan dadah yang berlaku dalam negara dan sentiasa berusaha membanteras dan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan, menangkap serta mengambil tindakan ke atas individu, token, ketua sindiket atau dalang aktiviti pengedaran dadah berlandaskan peruntukan undang-undang. Antara tindakan yang dilaksanakan seperti berikut:-

- 1) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas drug kingpin, token dadah atau individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan
- 2) Melumpuhkan sumber kewangan token dadah atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta dibawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988.

Bagi menjawab soalan (b), statistik tangkapan ke atas pengedaran dadah mengikut seksyen kesalahan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 24,433 kes. Manakala bagi tahun 2018 jumlah tangkapan adalah sebanyak 25,508 kes. Ini menunjukkan secara tidak langsung, peningkatan peratusan tangkapan sebanyak 4.4% dari tahun 2017 hingga 2018.

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD
YAZID [KUALA KANGSAR]

TARIKH : 19 MAC 2019
MENJAWAB

SOALAN : 69

YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kes-kes
penghinaan terhadap institusi diraja yang dapat diselesaikan pada tahun
2018.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2018, satu kes yang melibatkan penghinaan terhadap institusi diraja telah diselesaikan oleh Jabatan Peguam Negara. Seorang wanita telah dipertuduh di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] di Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada 14 Februari 2018. Tertuduh telah mengaku salah dan dihukum penjara selama lapan bulan pada 25 Mac 2018.

2. Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memperuntukkan seperti yang berikut:

“Penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, dll.

233. (1) Seseorang yang—

(a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—

***(i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta;
dan***

(ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau

(b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan, berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik,

melakukan suatu kesalahan.

(2) Seseorang yang secara sedar—

(a) dengan menggunakan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi memberikan apa-apa komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang; atau

(b) membenarkan suatu perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi di bawah kawalan orang itu

untuk digunakan bagi suatu aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a),

melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.”.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN
YAAKOB [BERA]**

TARIKH : 19.3.2019 (SELASA)

SOALAN : 70

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status dan perkembangan program jualan atas talian (Business Online) bagi usahawan- usahawan desa dan berapakah jumlah usahawan yang terlibat serta nilai jualan sehingga Disember 2018.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta agensi sememangnya melaksanakan beberapa program bagi memperluas perniagaan secara dalam talian untuk membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka melalui platform e-dagang. Melalui program ini, usahawan luar bandar dilatih mengenai kaedah penjualan produk secara dalam talian, teknik copy-writing, promosi, pemasaran dan teknik-teknik mengambil gambar produk dengan baik dan kemahiran-kemahiran lain berkaitan perniagaan secara dalam talian.

Antara program-program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Desamall@Online

Program ini yang dimulakan dalam bulan Oktober 2017, merupakan kerjasama antara KPLB, Celcom Axiata Berhad dan 11street bagi

melatih usahawan luar bandar yang mempunyai produk sendiri untuk memasarkan produk mereka dalam talian dengan menggunakan platform e-dagang 11street. Sehingga Mac 2019, seramai 780 usahawan luar bandar telah berjaya memasarkan produk mereka dalam 11street secara berperingkat dengan jumlah jualan dalam talian sebanyak RM 1.2 juta. Program Desamall@Online akan diteruskan pada tahun 2019 dengan beberapa siri latihan bagi mencapai sasaran 1,000 usahawan Desamall@Online sehingga tahun 2019.

2. Rubiz@Online

Program RuBiz@Online dimulakan dalam tahun 2018 dan bertujuan mewujudkan usahawan belia pemasaran *online* luar bandar melalui media sosial. Peserta program merupakan golongan belia yang tidak mempunyai produk sendiri tetapi berminat untuk menjadi usahawan *online*. Latihan kemahiran berkaitan serta bimbingan *entrepreneurial coaching* diberikan kepada peserta sehingga mereka menjadi usahawan *online*. Sehingga Disember 2018, seramai 147 belia luar bandar telah dilatih dan berjaya memasarkan produk mereka melalui media sosial dengan nilai jualan dicatatkan sebanyak RM461,688.

3. Revolution of Online Entrepreneurs Program (ROPE) dan Program Revolusi Usahawan Digital

Revolution of Online Entrepreneurs Programme (ROPE) dan Revolusi Usahawan Digital adalah dua program bagi memperluas perniagaan secara dalam talian yang dilaksanakan oleh MARA pada tahun 2018.

Program ROPE menekankan pembangunan usahawan luar bandar melalui platform pemasaran digital dan sistem akaun mudah. Manakala, Program Revolusi Usahawan Digital pula menfokuskan pengurusan perniagaan secara digital serta pengenalan pengurusan kewangan kepada usahawan-usahawan yang baru menceburi bidang pemasaran secara dalam talian. Selain daripada media sosial seperti Facebook dan Instagram, usahawan yang mengikuti program-program tersebut turut didedahkan kepada platform e-dagang seperti Lazada, 11th Street dan Alibaba.

Sejak kedua-dua program ini dilaksanakan mulai Januari sehingga Disember 2018, seramai 182 usahawan luar bandar telah memasarkan produk mereka secara dalam talian dan sebanyak RM15,953,900 telah direkod sehingga 31 Disember 2018.

Sejak 2016, pihak Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan atau KESEDAR turut melaksanakan program bagi memperluas perniagaan secara dalam talian bagi usahawan-usahawan luar bandar di kawasan jajaran mereka dengan kerjasama Malaysian Digital Economy Corporation (MDEC) melalui program e-usahawan. Bagi tahun 2018, seramai 270 usahawan KESEDAR yang mengikuti program ini telah memulakan perniagaan dalam talian dengan jualan direkodkan sebanyak RM3,240,000 sehingga 31 Disember 2018.

Di samping itu, KPLB melalui Pusat Komuniti Desa (PKD) yang terdapat di seluruh negara turut melaksanakan program bagi memperluas perniagaan usahawan luar bandar secara dalam talian. Program dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan seperti MARA, FAMA, MDEC, TEKUN, Kolej Komuniti serta Pusat Internet.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 155 program berkaitan perniagaan dalam talian telah dilaksanakan di PKD dengan peserta seramai 2,546 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 372 orang peserta telah memulakan perniagaan dalam talian dan jualan sebanyak RM2,617,600.00 telah direkodkan sehingga 31 Disember 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 19 MAC 2019

SOALAN : 71

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan usaha yang dilakukan bagi penghapusan isu pemerdagangan manusia di negara ini selain penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) memandangkan Malaysia masih lagi berada pada Tahap 2 Pemerhatian berikutan tidak memenuhi sepenuhnya piawaian minimum yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menambahbaik usaha untuk membanteras jenayah perdagangan orang dari semasa ke semasa dengan menguatkuasakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh ahli Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) melalui lima (5) jawatankuasa khusus yang ditubuhkan dalam aspek menguatkuasaan, penjagaan dan perlindungan mangsa perdagangan orang, media dan publisiti, buruh serta perundangan.

Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) telah mengeluarkan Laporan Tahunan mengenai Perdagangan Orang (U.S. TIP Report) Tahun 2018 di Washington, Amerika Syarikat (U.S.) pada 28 Jun 2018. Penilaian oleh JNAS dibuat terhadap 187 buah Negara termasuk Malaysia dan merangkumi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan. Laporan tersebut telah meletakkan Malaysia di Tahap 2 Pemerhatian (Tier 2 Watchlist) bagi tahun 2018 iaitu penurunan dari Tahap 2 pada tahun 2017.

Malaysia pernah menduduki Tahap 2 Pemerhatian sebanyak 9 kali iaitu di antara tahun 2006 hingga tahun 2018. Laporan tersebut menyatakan bahawa Malaysia tidak memenuhi sepenuhnya piawaian minima dalam penghapusan perdagangan orang sebagaimana yang ditetapkan meskipun telah menunjukkan pelbagai usaha yang signifikan dalam inisiatif Negara bagi memerangi perdagangan orang sepanjang tahun penilaian iaitu dari 1 April 2017 hingga 31 Mac 2018. Laporan ini bersifat unilateral dan subjektif ke atas usaha sesebuah negara, namun boleh digunakan sebagai panduan bagi penambahbaikan di masa hadapan.

Sehubungan itu, usaha negara akan diperkukuhkan lagi dengan langkah-langkah berikut:

- i. Meningkatkan usaha dalam aspek pencegahan perdagangan orang melalui kerjasama erat dengan NGO, pihak industri serta mempergiatkan tindakan bersepadu antara agensi;

- ii. Meneruskan penambahbaikan signifikan dalam 2 aspek penting melibatkan perundangan buruh iaitu perlaksanaan pembayaran levi pekerja asing oleh majikan yang telah bermula pada 1 Januari 2018 serta pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta yang memperuntukkan peningkatan penalti kepada agensi pekerjaan yang gagal mematuhi undang-undang buruh yang berkuatkuasa;
- iii. Menimbang cadangan untuk meminda Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang memberi fokus kepada aspek perlindungan mangsa pemerdagangan orang dan pencegahan dengan meningkatkan hukuman yang dikenakan;
- iv. Penambahbaikan pelaksanaan peraturan bagi kebenaran bergerak bebas dan bekerja mangsa pemerdagangan orang; dan
- v. Penelitian pengurusan pekerja asing secara holistik bagi memastikan kebajikan dan hak pekerja terutama pekerja asing dapat dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua,

RCI Wang Kelian ditubuhkan bagi menyiasat kejadian Penemuan Kem Penempatan Sementara dan Kubur di Wang Kelian, Perlis. Suruhanjaya ini ditubuhkan antara lain bagi menunjukkan komitmen dan ketelusan agensi kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan siasatan serta menjawab persoalan yang timbul daripada pelbagai pihak di dalam dan luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]
TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 72

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusof [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status terkini Rang Undang-undang (RUU) Kesaksamaan Gender dan adakah pandangan tokoh Islam diambil kira dalam proses penggubalan RUU tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tujuan mewujudkan Akta Kesaksamaan Gender, Kementerian telah menubuhkan satu *Special Project Team* Rang Undang-Undang Kesaksamaan Gender (SPT RUU GE) yang terdiri daripada pelbagai pihak sebagai usaha memastikan rang undang-undang tersebut diwujudkan mengambil kira aspek agama, sosial dan kaum memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan agama.

Keahlian SPT RUU GE ini terdiri daripada Kementerian / Jabatan / Agensi, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan (NGO). JAKIM dan wakil NGO Islam turut menjadi ahli kepada SPT ini dan mana-mana wakil Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan / NGO / individu yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam permasalahan dan isu yang berhubung dengan isu kesaksamaan gender turut boleh dijemput hadir ke mesyuarat SPT ini. Secara amnya, SPT RUU GE bertanggungjawab untuk meneliti, menggubal dan menyediakan draf RUU GE ini dengan mengambil kira Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), perundangan sedia ada di Malaysia seperti Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan dan juga beberapa contoh perundangan kesaksamaan gender di negara lain seperti Filipina, India dan Australia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 19 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 73

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah dan lokasi kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang beroperasi setakat ini dan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah jumlah AES ini dan sejauh manakah penggunaan AES ini mampu melahirkan pemanduan berhemah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 1 Mac 2019, sebanyak empat puluh lima (45) kamera Automated Enforcement System (AES) telah beroperasi iaitu empat (4) lokasi di negeri Johor, empat (4) lokasi di negeri Melaka, enam (6) lokasi di negeri Selangor, tujuh (7) lokasi di negeri Kedah, satu (1) lokasi di negeri Pulau Pinang, lima belas (15) lokasi di negeri Perak, dua (2) lokasi di Negeri Sembilan, dua (2) lokasi di negeri Terengganu, satu (1) lokasi di negeri Kelantan, dua (2) lokasi di negeri WPKL dan satu (1) lokasi di Putrajaya.

2. Dalam usaha untuk meningkatkan kadar pematuhan kepada undang-undang dan peraturan lalu lintas yang berkuatkuasa oleh pengguna jalan raya, pihak Kerajaan sedang mempertimbangkan cadangan untuk menambah pemasangan kamera AwAS di lokasi-lokasi yang akan ditentukan berdasarkan keperluan dan kajian serta mengambil kira data kemalangan yang terkini.

3. Analisis pihak MIROS menggunakan data kemalangan dari PDRM dan Lembaga Lebuhraya Malaysia menunjukkan terdapat pengurangan 25% kes kemalangan di 21 lokasi kamera had laju AES di lebuhraya pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Selain dari itu kajian pihak MIROS juga menunjukkan impak pelaksanaan AES di enam lokasi rintis telah menunjukkan secara puratanya kadar kepatuhan yang tinggi bagi had laju iaitu 95% berbanding sebelumnya 63%. Bagi empat lokasi rintis lampu isyarat yang di pasang kamera AWaS pula, kadar pematuhan lampu isyarat juga telah meningkat dari 96% kepada 98%. Dengan peningkatan ketara dalam pematuhan had laju dan lampu isyarat menunjukkan AES mampu melahirkan pemandu yang berhemah yang patuh kepada peraturan lalu lintas.

Sekian, terima kasih.